

**KAJIAN KE ATAS PENGURUSAN PEMULIHARAAN TAPAK WARISAN:  
BATU SUMPAH KENINGAU.**

FYP FTKW

**MARIA LUCIANA KOLA STIKA PHILIPUS**

**C20A1029**



**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Kajian Ke Atas Pengurusan Pemuliharaan Tapak Warisan:  
Batu Sumpah Keningau.**

**Maria Luciana Kola Stika Philipus**

**C20A1029**

**Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada  
syarat menamatkan pengajian dan memperoleh Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini memperakui bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai Naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- SULIT** Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 19720)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Luciana Philip

MARIA LUCIANA KOLA

STIKA PHILIPUS

Tandatangan Penyelia Utama

\_\_\_\_\_

EN. SAHRUDDIN BIN MOHAMED SOM

## PENGHARGAAN

Puji dan syukur saya panjatkan kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan segala berkat, cinta dan kasihNya yang berlimpah, saya dapat menyiapkan Projek Penyelidikan yang bertajuk Kajian Ke Atas Pengurusan Pemuliharaan Tapak Warisan: Batu Sumpah Keningau dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih saya ucapkan kepada Encik Sahrudin Mohamed Som selaku Penyelia Projek Penyelidikan saya, kerana telah banyak memberikan dorongan, tunjuk ajar, berbagi pendapat dan semangat sepanjang projek penyelidikan ini disiapkan sehinggalah akhir.

Selain itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa syukur yang tidak terhingga kepada kedua orang tua saya, Encik Philip Bura dan Puan Meli Alexander, keluarga besar Alexander Nuba Lejap kerana telah mendorong saya untuk menyahut cabaran dan melanjutkan pelajaran ke tahap Ijazah Sarjana Muda ini. Terima kasih kerana tidak pernah lelah memberikan saya sokongan moral, nasihat dan semangat juga bantuan kewangan. Terima kasih kerana terus percaya, saya mampu melakukan ini. Tanpa doa dan restu kalian, saya tidak sampai ke titik ini.

Penghargaan juga turut diberikan kepada semua rakan-rakan seperjuangan saya yang tidak kalah banyaknya menghulurkan bantuan dari segi cadangan, pendapat dan semangat sepanjang projek penyelidikan ini berlangsung. Sokongan dan dorongan kalian amat saya hargai dan syukuri. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak sepanjang tempoh menyiapkan projek akhir tahun ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada diri saya sendiri, Maria Luciana Kola Stika Philipus kerana berjaya menyiapkan projek ini walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Terima kasih sudah memperjuangkan masa depanmu sejauh ini. Semoga penat lelahmu juga harapan dan cita-cita dikabulkan oleh Tuhan satu persatu, amin. Akhirnya, kita berjaya merasai konvokesyen yang pertama dalam hidup, hujung tahun ini. Semoga kajian ini bermanfaat kepada sesiapa yang membacanya, amin.

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
<b>PENGESAHAN TESIS</b>	<b>I</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>II</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>III-IV</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>V</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>VI</b>
<b>BAB I: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	2-6
1.3 Permasalahan Kajian	7-10
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	10-13
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.7.1 Individu	13
1.7.2 Masyarakat	13-14
1.7.3 Institut pengajian	14
1.7.4 Negara	14
1.8 Kesimpulan	14-15
<b>BAB II: SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Warisan	16-19
2.2.1 Jenis-jenis Warisan	19-22
2.2.2 Tapak Warisan	23-24
2.2.3 Monumen	24-26
2.3 Nilai Kepentingan Budaya	26-28
2.4 Pemuliharaan Warisan	28-30
2.5 Pengurusan Warisan	30-32
2.6 Pelan Pengurusan Warisan	32-33
2.7 Kesimpulan	34
<b>BAB III: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	35

3.2 Reka bentuk kajian	35
3.2.1 Pemerhatian	35-36
3.2.2 Temu bual	36
3.3 Teknik Pengumpulan data	36-37
3.3.1 Data Primer	37
3.3.2 Data sekunder	37
3.4 Persampelan kajian	37-38
3.5 Instrumen kajian	38-40
3.6 Analisis kajian	40-41
3.7 Kesimpulan	41
<b>BAB IV: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1: Pengenalan	42
4.2 Sejarah Batu Sumpah Keningau	42-65
4.3 Nilai Budaya Yang Terkandung Dalam Batu Sumpah Keningau	65-81
4.4 Merangka langkah pengurusan pemuliharaan Batu Sumpah Keningau	82-99
4.5 Kesimpulan	99
<b>BAB V: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1 Pengenalan	100
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	100-105
5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1	100-102
5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2	102-104
5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3	104-105
5.3 Rumusan	105-106
5.4 Pembaharuan	106-107
5.5 Cadangan	107-109
5.6 Kesimpulan	109-110
<b>RUJUKAN</b>	<b>111-120</b>

## ABSTRAK

Batu Sumpah Keningau merupakan satu objek warisan ketara yang terletak di Daerah Keningau, Sabah. Monumen ini telah wujud sejak tahun 1963 lagi dan merupakan bukti penubuhan Negara Malaysia yang menggabungkan *North Borneo*, Sarawak dan Tanah Melayu. Selain itu, monumen ini mempunyai nilai sejarah, budaya dan estetikanya yang tersendiri sehingga membuatkan monumen ini semakin menarik untuk dikaji. Penyelidikan ini dilakukan bagi menjawab beberapa permasalahan kajian yang telah dikenalpasti iaitu status monumen yang masih belum diwartakan sama ada di peringkat negeri mahupun negara, isu kehilangan plag asal yang membawa kepada kehilangan sebaris ayat dan pendokumentasian terhadap pengurusan pemuliharaan monumen. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini pengkaji telah menetapkan tiga objektif kajian iaitu mengkaji sejarah Batu Sumpah Keningau, mengenalpasti nilai kepentingan budaya yang terkandung pada Batu Sumpah Keningau dan mencadangkan kaedah pengurusan yang digunakan dalam memelihara Batu Sumpah Keningau. Data diperoleh menggunakan kaedah kualitatif dimana pengkaji telah menemubual lima (5) orang informan, pemerhatian, dan kajian dokumen. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa aspek mengenai monumen ini yang sememangnya belum mendapat perhatian oleh pihak-pihak tertentu dan diulas secara ilmiah. Kesannya, masyarakat masih kurang peka dan tidak kurang juga dengan masyarakat di luar sana yang masih tidak tahu kewujudan monumen ini.

Kata kunci: Batu Sumpah Keningau, Penubuhan Malaysia.

## ABSTRACT

Keningau Oath Stone is a significant heritage object located in Keningau, Sabah. This monument has existed since 1963 and this is a evidence the establishment of the State of Malaysia which combines North Borneo, Sarawak and Tanah Melayu. In addition, this monument has its own historical, cultural and aesthetic value that makes this monument even more interesting to study. This research was carried out to answer some research problems that have been identified which the status of the monument that still not proclaimed either at the state or national level, the issue of losing the original plaque which led to the loss of a line of verses and documentation of the management of monument conservation. In relation with that, in this study the researcher has set three objectives which are to study the history of Keningau Oath Stone, recognizing the value of cultural interests contained in Keningau Oath Stone and proposing management methods used in preserving the Keningau Oath Stone. Data was obtained using a qualitative methods where the researcher interviewed five (5) informants, observation, and document review. The results of the study show that there are several aspects about this monument that have not received attention from certain parties and reviewed scientifically. As a result, the community is still insensitive and there are also people out there who still do not know the existence of this monument.

Key words: Keningau oath stone, The establishment of Malaysia



# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Pengurusan pemuliharaan terhadap sesuatu objek atau tapak sebenarnya bukanlah satu perkara yang asing lagi. Sesiapa sahaja boleh mempraktikannya pada bila-bila masa, tempat dan ke atas benda yang ingin dipulihara. Namun, dalam konteks pengurusan pemuliharaan terhadap warisan, keahlian, dan kaedah yang tepat dibantu dengan akta dan garis panduan, adalah sangat diperlukan dalam menjalankan pengurusan pemuliharaan dengan baik. Antara akta dan garis panduan yang sering dirujuk ialah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), *International Council on Monuments and Sites (ICOMOS)*, Burra Charter, Enakmen-enakmen dan banyak lagi. Persoalannya, mengapa pengurusan pemuliharaan terhadap warisan penting? Apakah pihak berwajib sahaja yang bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja sebegini?

Umum mengetahui bahawa perkembangan dalam pengurusan warisan di Malaysia masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Menurut kajian Baco (2018), di negeri Sabah khususnya, usaha pengurusan warisan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah faktor perundangan, pihak berkepentingan dan juga masyarakat. Tambahnya lagi, jika tidak ada kesedaran dalam melindungi warisan, segala usaha pemuliharaan akan menjadi sia-sia kerana tidak ada pihak yang ambil

peduli. Faktor- faktor ini dilihat banyak melibatkan masalah daripada pengurusan manusia dan dibebani dengan sistem perundangan.

Sehubungan dengan itu, usaha pemuliharaan ini perlulah dimantapkan lagi dengan satu kaedah pengurusan yang sistematik. Di samping itu, pendidikan berterusan kepada masyarakat dan pihak berkepentingan serta penekanan kepada perundangan warisan perlu dilakukan. Perkara ini adalah bagi memastikan tidak ada aspek yang diabaikan semasa proses pemuliharaan dijalankan. Menurut Sohaimi (2017), dalam kajiannya yang bertajuk *Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad Kini*, menyatakan bahawa perlunya satu pengurusan yang sistematik bagi pemuliharaan dan kerja penyelenggaraan bagi mengelakkan pengabaian yang dapat membawa kepada kepupusan dari sudut jangka hayat sesuatu objek. Usaha ini juga dilakukan bagi mengenalpasti faktor yang menunjang kepada punca kerosakan fizikal terhadap objek warisan. Azaki (2019), dalam kajiannya menegaskan bahawa walaupun sesuatu objek warisan itu sudah melalui proses pemuliharaan, keaslian yang terdapat pada objek tersebut haruslah dikekalkan. Misalnya seperti bahan binaan, reka bentuk, lokasi asal dan kerja-kerja pembinaan semula.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kelebihan Malaysia sebagai negara yang pernah dijajah suatu ketika dahulu menyebabkan negara ini mempunyai pelbagai tinggalan warisan.

Tinggalan-tinggalan warisan yang dimaksudkan bukan sahaja daripada kesan penjajahan itu sendiri tetapi sebahagian daripadanya merupakan hasil perjanjian-perjanjian yang telah termeterai antara pemimpin tempatan dengan penjajah ataupun dalam kalangan pemimpin tempatan itu sendiri. Bukan itu sahaja, tinggalan warisan sebenarnya dapat ditemui dalam pelbagai rupa dan bentuk seperti arca, manuskrip, monumen, keahlian dalam menghasilkan barangan tradisional dan banyak lagi. Selain daripada itu, fungsi dan maksud yang berbeza juga membuatkan secara tidak langsung tinggalan warisan tersebut mampu memberi gambaran dan jalan cerita kepada generasi baharu mengenai keadaan pada masa itu.

Situasi ini dapat dikaitkan pada kajian Zulkiflee (2017), bertajuk Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah Di Perak 1874-1940. Kajian ini membuktikan bagaimana dokumen-dokumen penting semasa penjajahan British di Perak pada masa itu dijadikan sebagai sumber primer dalam kajiannya. Hasil daripada analisis menerangkan bahawa, melalui tinggalan dokumen-dokumen penting dapat memberi gambaran bagaimana sesebuah petempatan berkembang dan melalui zaman kegemilangannya. Hal ini kerana setiap dokumen tersebut mempunyai catatan harian atau mungkin mingguan mengenai peristiwa-peristiwa penting yang berlaku. Oleh itu, jelaslah bahawa tinggalan-tinggalan warisan memainkan peranan penting dalam menjelaskan sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada tapak warisan atau tugu peringatan Batu Sumpah

Keningau yang terletak di Keningau, Sabah.

Setahun sebelum terjadinya pembentukan Malaysia, satu kata sepakat telah dicapai antara pemimpin Tanah Melayu dan Sabah ketika itu. Kesepakatan itulah yang akhirnya membawa kepada termeterainya perjanjian yang diusulkan oleh pemimpin tempatan dan rakyat di pedalaman Sabah. Perjanjian tersebut kemudian dibawa oleh ketua pimpinan untuk diusulkan sekali lagi kepada pemimpin Tanah Melayu pula. Perjanjian tersebut merangkumi agama, tanah dan adat budaya negeri Sabah yang perlu dipatuhi dan dihormati oleh Tanah Melayu (Abdullah, 2018). Perjanjian-perjanjian itu telah diukir pada sebuah plag dan ditampal pada sebiji batu yang diidenfikasikan sebagai Batu Sumpah Keningau. *ICOMOS* menyatakan dalam artikel yang pertama, bahawa monumen tidak hanya tertakluk kepada karya tunggal malahan berkaitan dengan persekitarannya dimana mempunyai bukti sesebuah tamadun, perkembangan penting dan peristiwa bersejarah yang berlaku. Berdasarkan pendapat A. Ghafar Ahmad dalam bukunya yang bertajuk Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia, monumen merupakan apa sahaja hasil, struktur atau elemen yang menunjukkan nilai- nilai sejagat dari aspek sains, seni dan sejarah. Selain itu, menurut Enakmen Warisan Negeri Sabah (2017) (VI), ada menerangkan mengenai mana-mana monumen yang dianggap sesuai untuk didaftarkan sebagai tapak warisan. Oleh itu, Batu Sumpah Keningau dapat diklasifikasikan sebagai satu tugu warisan yang bakal diwartakan sebagai Tapak Warisan.

Selain itu, batu sumpah ini merupakan bukti tinggalan warisan tradisional dimana secara tidak langsung batu ini menjadi lambang identiti sesebuah masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, adat istiadat anak negeri Sabah telah digunapakai sejak awal perasmian dan semasa proses pemindahan tapak batu sumpah ini (Abdullah, 2018), dimana proses tersebut telah diketuai oleh *Bobohizan* atau juga dikenali sebagai *Bobolian*. Masyarakat mempercayai bahawa batu sumpah tersebut mempunyai 'semangat' dan sesiapa sahaja yang mengingkari perjanjian tersebut, akan menyebabkan bala atau mengalami bencana. (Hasbollah Hajimin et al., 2022). Ginsari & Fernando (2015), dalam kajian mereka ada menyatakan bahawa, pada masaitu Orang Kaya-kaya Sedomon (OKK Sedomon) dan G.S. Sundang juga berpendapat perkara yang sama dimana, satu ikatan simbolik secara tradisional perlu dilakukan. Hal ini dikatakan demikian, walaupun perjanjian secara bertulis telah dilakukan, ianya akan sukar untuk dikekalkan. Justeru itu, adat istiadat tradisional digunapakai ke atas Batu Sumpah Keningau sehingga hari ini.

Bukan itu sahaja, batu sumpah ini tidaklah begitu gagah seperti monumen lain, namun batu sumpah ini mampu menggambarkan nilai budaya, sejarah dan semangat nasionalisme. Hal ini kerana, kewujudan batu ini tercetus disebabkan oleh sifat masyarakat yang terlalu mencintai tanah air dan keinginan mereka untuk bebas daripada cengkaman penjajah. Pada masa yang sama masyarakat pada waktu itu tetap mempertahankan kepentingan dan hak mereka agar sentiasa terjaga serta dihormati oleh orang luar. Hampir seabad lamanya monumen ini wujud, selain telah

menyaksikan pelbagai perubahan rentak politik tanah air, sudah tentu monumen ini juga telah mengalami beberapa kerosakan yang disebabkan oleh beberapa faktor. Haikal Apandi & Mat Redzuan (2022), dalam kajian mereka juga memberikan pendapat yang sama bahawa monumen yang masih wujud pada masa kini, pasti telah mengalami beberapa kerosakan bergantung kepada jenis bahan binaan monumen.

Justeru itu, satu pengurusan pemuliharaan yang baik diperlukan bagi menjamin keadaan fizikal monumen tetap terjaga. Faktor kerosakan fizikal, elemen sesebuah objek yang dipulihara merupakan antara aspek yang diambil kira. Aspek ini juga akan menentukan pelan pengurusan ke atas objek-objek warisan tersebut. Kajian Batu Sumpah Keningau yang dijalankan ini melibatkan pemahaman mengenai hubungan sejarah, budaya dan politik di Sabah pada ketika itu. Namun, fokus utama kajian ini adalah mengenai kaedah pemuliharaan yang diaplikasikan terhadap batu sumpah. Oleh itu, dalam penelitian ini tiga objektif telah ditetapkan bagi menjawab isu atau persoalan yang timbul akibat daripada beberapa faktor yang telah dikenalpasti. Pendekatan kualitatif turut diaplikasikan dalam kajian ini kerana kajian ini berfokus kepada satu objek sahaja. Hasil daripada data yang diperolehi pula akan dibincangkan menggunakan analisis tematik yang terbahagi kepada beberapa langkah. Secara keseluruhan, kajian ini penting untuk dijalankan bagi memahami perjuangan, pengakuan hak-hak yang dituntut dan bagaimana batu ini dipulihara sehinggalah monumen ini masih wujud sehingga ke hari ini.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Dalam arus pemodenan dan pembangunan, tinggalan atau identiti warisan negara sebenarnya sedang terancam kepupusan (Masdey & Ramli, 2018). Isu ini akan menjadi lebih berisiko terutamanya jika tidak ada strategi pengurusan yang baik. Hussin et al (2011), dalam bukunya yang bertajuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan ada menjelaskan tanggapan *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)* mengenai kemungkinan kebudayaan dan warisan pada kemudian hari akan mengalami risiko kehilangan akibat daripada asimilasi budaya luar serta keadaan ekonomi semasa. Justeru itu, satu pelan pengurusan yang berkesan amatlah diperlukan dalam proses pemuliharaan tinggalan warisan.

Isu pertama adalah mengenai penulisan sejarah Batu Sumpah Keningau. Penulisan sejarah perlu dilakukan semula kerana penulisan sejarah mengenai monumen ini dikatakan masih kurang tepat. Hasil daripada pembacaan, pengkaji mendapati adanya intipati penting yang tidak diterangkan secara menyeluruh. Sebagai contoh, liputan terhadap masyarakat yang telah bersusah payah membawa batu tersebut ke daratan juga masih belum disentuh dengan lebih mendalam (M. K. Abdullah & Bernama, 2018) dan pemindahan ke beberapa buah tapak. Sehubungan dengan itu, kemungkinan masih terdapat cerita atau peristiwa penting bersangkutan dengan monumen ini yang masih belum dikupas dengan lebih mendalam. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi mendedahkan beberapa aspek tertentu yang masih sangat jarang dibahas oleh pengkaji-

pengkaji sebelum ini.

Seterusnya, pelan pengurusan merupakan kaedah pemuliharaan yang amat dititikberatkan dalam memastikan khazanah warisan sentiasa terjaga dan dilindungi. Antara perlindungan yang diberikan melalui pelan pengurusan ialah melalui pewartaan terhadap tinggalan-tinggalan warisan. Berdasarkan pemeriksaan status yang dijalankan ke atas Batu Sumpah Keningau, pengkaji mendapati bahawa monumen ini masih belum diwartakan. Walaupun batu sumpah ini merupakan satu monumen yang penting, namun pewartaannya sama ada di peringkat negeri Sabah mahupun nasional, masih berada pada tahap cadangan sahaja. Pengkaji juga telah bertanya langsung melalui emel yang dihantar kepada Encik Dius Kubud iaitu seorang Kurator Kanan, Antikuiti dan Warisan di Muzium Sabah mengenai status batu sumpah ini. Beliau mengatakan bahawa meskipun batu sumpah belum diwartakan, usaha-usaha pewartaan sedang dilaksanakan bagi membolehkan batu sumpah ini ditetapkan sebagai Tapak Warisan. Apabila sesebuah objek atau tapak warisan masih belum diwartakan, maka beberapa isu atau ancaman kerosakan akan timbul. Perkara ini boleh disebabkan oleh sesiapa sahaja kerana mereka menganggap bahawa objek warisan tersebut tidak terikat dengan undang-undang.

Begitu juga yang pernah terjadi ke atas Batu Sumpah Keningau. Antara isu yang pernah berlaku ialah kehilangan plag. Walaupun isu



kehilangan plag ini telah lama berlaku, namun isu ini masih menimbulkan kesan kurang baik. Sehingga ke hari ini, masyarakat masih mendakwa bahawa terdapat sebaris ayat yang hilang pada plag baharu yang telah digantikan. Perkara ini dibuktikan melalui penyelidikan yang dilakukan oleh Joko et al. (2020), menyatakan bahawa plag asal batu sumpah yang mempunyai ayat 'Kerajaan Malaysia Menjamin' telah dibuang dan diubah daripada ayat pada plag asal. Perkara ini sebenarnya dapat menimbulkan kesangsian terhadap kebenaran dan keaslian plag yang kini ditampal pada batu sumpah yang sama sekali berbeza dengan ayat pada plag lama. Sebaris ayat yang hilang ini sebenarnya dapat menggugat perjanjian-perjanjian yang telahpun dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Selain itu, pendokumentasian dan kajian Batu Sumpah Keningau. Berdasarkan carian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa dokumen atau kajian terhadap batu sumpah yang memfokuskan kepada pengurusan pemuliharaan masih kurang dilakukan dan dipublikasikan kepada masyarakat umum. Seharusnya, dokumentasi atau kajian mengenai batu sumpah ini sudah banyak dilakukan dan dipublikasikan sebagai pengetahuan umum kepada masyarakat. Tambahan lagi, monumen ini merupakan monumen yang penting. Misalnya, pemindahan monumen yang telah berlaku beberapa kali. Melalui proses pemindahan ini, memungkinkan timbulnya tanda-tanda kerosakan terhadap monumen ini, apatah lagi monumen ini juga sudah berusia. Tambahan pula, sebagaimana yang diketahui bahawa kerja-kerja pemuliharaan akan

dilakukan sebelum dan selepas pewartaan secara berkala mengikut keperluan seperti yang termaktub di Enakmen Warisan Negeri Sabah 2017. Oleh itu, perkara ini secara tidak langsung menimbulkan persoalan terhadap keadaan terkini monumen tersebut dan adakah pengurusan pemuliharaan masih dilakukan?

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Antara soalan kajian yang dikemukakan ialah:

- i) Apakah sejarah Batu Sumpah Keningau?
- ii) Apakah nilai budaya yang terkandung pada Batu Sumpah Keningau?
- iii) Bagaimanakah langkah pengurusan pemuliharaan yang digunakan dalam memelihara Batu Sumpah Keningau?


#### **1.5 Objektif Kajian**

- i) Mengkaji sejarah Batu Sumpah Keningau.
- ii) Mengenalpasti nilai kepentingan budaya yang terkandung pada Batu Sumpah Keningau.
- iii) Merangka langkah pengurusan pemuliharaan yang digunakan dalam memelihara Batu Sumpah Keningau.

#### **1.6 Batasan Kajian**

Batasan kajian ialah bidang kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji untuk penyelidikan yang dijalankan. Skop kajian adalah penting bagi menunjukkan bahawa kajian ini mempunyai elemen-elemen tertentu yang

difokuskan. Selain itu, skop kajian dapat merangkumi apa sahaja seperti tempat, masyarakat dan umur. Dalam kajian ini, pengkaji menghadkan kajian kepada lokasi, subjek, responden dan kaedahkajian yang digunakan untuk mendapatkan data.



Gambar 1.1: Peta Keningau

Sumber: Internet

Pengkaji telah membataskan kajian ini dengan memilih tempat kajian di Daerah Keningau, Sabah. Hal ini kerana, Batu Sumpah Keningau terletak di daerah ini tepatnya di Muzium Warisan Keningau. Daerah Keningau merupakan salah satu daerah yang terletak di sebelah pedalaman atas Negeri Sabah dimana pekan Keningau berfungsi sebagai pusat daerah. Daerah ini juga merupakan daerah ke-8 terbesar di Sabah dan bersempadan dengan Daerah Nabawan di selatan, Tenom di barat-daya dan Daerah Tambunan di sebelah utara. Manakala, Muzium Warisan Keningau terletak di Jalan Kali, Taman Mahathir Keningau. Muzium ini terletak berhampiran dengan Kompleks Sukan Keningau dan beberapa pejabat penting lainnya.

Seterusnya, kajian yang dilaksanakan ini memfokuskan terhadap monumen beserta dengan nilai budaya dan kaedah pemuliharaan. Hal ini kerana, monumen ini merupakan monumen penting bagi masyarakat Sabah khususnya masyarakat di Daerah Keningau. Selain itu, monumen ini juga mempunyai nilai budaya tidak ketara di sebaliknya dimana tidak semua orang mengetahui dan memahaminya secara baik. Bukan itu sahaja, pengkaji juga ingin menganalisis kaedah-kaedah yang digunakan bagi memelihara dan memulihara batu ini.

Bukan itu sahaja, setiap maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan pemerhatian dan temubual. Kaedah ini dijalankan terhadap masyarakat yang mempunyai pengetahuan dan perkaitan dengan batu sumpah ini. Selain itu, terdapat beberapa aspek telah diberi perhatian semasa menjalankan kajian ini. Pertama ialah mengenai perjalanan sejarah. Hal ini disebabkan oleh timbulnya persoalan dan keluhan masyarakat mengenai kesahihan penulisan sejarah yang dinyatakan hari ini. Aspek seterusnya ialah mengenalpasti nilai budaya yang terkandung pada batu sumpah. Selain penulisan semula sejarah, nilai budaya akan diketengahkan dan diulas dengan lebih mendalam. Hal ini disebabkan oleh terdapat adat-istiadat yang digunakan terhadap monumen ini. Seterusnya, kajian ini akan melihat kepada identiti budaya dan norma serta moral yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Di samping itu, pengkaji juga akan memberi perhatian terhadap langkah-langkah pengurusan pemuliharaan berdasarkan permasalahan yang dikenal pasti dan berlaku ke atas Batu Sumpah Keningau.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Diharapkan kajian ini akan meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat am khususnya masyarakat di Negeri Sabah. Hal ini penting kerana, masih banyak lagi warisan ketara mahupun tidak yang belum sepenuhnya diketahui orang ramai. Hal ini bertujuan agar masyarakat akan lebih mengambil berat dan peduli akan kewujudan warisan budaya kita. Berikutan dengan itu, pengkaji berharap agar melalui kajian ini, masyarakat mampu menyedari mengenai impak positif terhadap langkah pemeliharaan dan pemuliharaan objek warisan. Kepentingan ini dipecahkan kepada tiga kelompok besar. Antaranya ialah;

### 1.7.1 Individu

Kepentingan utama kepada seseorang individu ialah bagi menambahkan ilmu pengetahuan am terhadap warisan-warisan yang terdapat di negara sendiri. Seseorang individu dapat mengeksplor lebih banyak aspek mengenai warisan dan tentunya diharapkan agar dapat lebih menghargai perjuangan orang terdahulu dalam memberikan kedamaian yang dirasakan hari ini.

### 1.7.2 Masyarakat

Kewujudan objek-objek warisan budaya ketara ini akan menjadi bukti nyata dan menimbulkan kesedaran dalam masyarakat akan sesuatu peristiwa sejarah dan kepentingannya kepada bangsa mereka sendiri. Secara tidak langsung, hal ini akan membangkitkan sikap nasionalisme pada diri setiap masyarakat.

### 1.7.3 Institut Pengajian

Kajian-kajian bermutu yang berkaitan dengan warisan-warisan budaya adalah sangat penting. Hal ini kerana, bahan ilmiah dan bahan rujukan akan lebih bertambah banyak. Secara tidak langsung, ini akan memberikan sedikit kemudahan kepada para pelajar mahupun pengkaji akan datang untuk membuat rujukan ilmiah. Selain itu, kajian ini akan menjadi pendorong bagi mereka mengkaji tugu tersebut dari pelbagai sudut pandangan. Akhir sekali, diharapkan akan ada pengetahuan baharu mengenai tinggalan warisan yang dikaji.

### 1.7.4 Negara

Negara dengan kementerian khas yang ditubuhkan akan mendapatkan informasi dan data-data baharu. Seterusnya, usaha bagi pemuliharaan dan pemeliharaan akan lebih giat dijalankan. Setiap proses penyelidikan dan usaha pemuliharaan objek warisan mampu membawa warisan-warisan ini ke peringkat antarabangsa dan diwartakan sebagai warisan dunia. Kesannya, negara mampu menggalakkan pertumbuhan ekonomi dari sektor pelancongan berasaskan warisan.

## 1.8 Kesimpulan

Melalui beberapa perbincangan di atas, kita mengetahui betapa pentingnya Batu Sumpah Keningau terhadap pembentukan Malaysia.

Malah, melalui kewujudan Batu Sumpah Keningau ini juga mampu menjadi penentu terhadap pemerintahan kerajaan Negeri Sabah pada hari ini. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pada monumen tersebut terdapat sebuah plag yang mengandungi janji antara dua pihak. Selain menjadi simbol penyatuan, perjuangan dan kebudayaan juga dapat dilihat menerusi kajian batu sumpah ini. Terlepas daripada semua itu, pengurusan pemuliharaan keatas monumen ini juga menjadi titik tolak penelitian ini dilaksanakan. Hal ini bertepatan dengan tajuk dan disokong oleh objektif kajian ini. Sebagai kesimpulan, melalui kajian pemuliharaan batu sumpah ini, pembaca mampu mengetahui dan memahami mengenai kepentingan memulihara o b j e k tinggalan warisan. Lebih-lebih lagi jika tinggalan warisan tersebut mempunyai nilai yang penting dalam memastikan kelangsungan pengertian dan pemahaman terhadap sejarah dan warisan.



## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian lepas ini dilakukan bagi memberikan tinjauan awal tentang kajian yang akan dilaksanakan. Maklumat yang diulas diperolehi daripada beberapa sumber seperti buku, jurnal dokumen seperti laporan dan prosiding serta banyak lagi. Proses tinjauan kajian ini dilakukan sebagai panduan kepada pengkaji untuk memahami lebih lanjut mengenai kajian dan merungkai persoalan yang wujud berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, sorotan kajian adalah bagi membuktikan bahawa kajian yang dilakukan mempunyai sokongan dan bukti berdasarkan kajian lepas yang telah dilakukan. Terdapat beberapa topik yang berkaitan dengan tajuk kajian telah disusun dan ditentukan untuk dibincangkan. Justeru itu, dalam bab ini pelbagai isu akan diulas berdasarkan topik yang telah dikenalpasti.

#### 2.2 Warisan

Jabatan Warisan Negara (2012), mendefinisikan warisan sebagai sesuatu yang mempunyai nilai dan dapat diwariskan secara turun temurun. Warisan ini termasuklah adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan bahan arkib dan cetakan penulisan buku serta makalah. Bukan itu sahaja, semua warisan termasuklah warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan orang hidup, warisan semulajadi dan warisan bawah air



telah termaktub di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Hal ini bermakna, tinggalan warisan dapat ditemui dalam apa-apa bentuk sahaja. Tambahan pula, semakin lama warisan yang diturunkan kepada generasi baharu ini semakin mahal nilainya entah itu dari segi bahan asli, seni dan sejarah yang terkandung di dalamnya. Sehubungan dengan itu, warisan perlulah dikekalkan dengan cara mewariskan kepada generasi baharu. Tindakan ini adalah sangat penting kerana warisan merupakan gambaran kehidupan atau situasi yang berlaku pada masa tersebut serta menjadi lambang sesebuah bangsa. Hal ini juga ditegaskan oleh (Yusoff et al., 2013) bahawa apa sahaja yang diwariskan secara turun-temurun oleh individu atau kumpulan masyarakat terdahulu dikelaskan sebagai warisan yang dilindungi, dipulihara dan dipelihara.

Pintossi et al., (2023), membincangkan bagaimana penggunaan semula warisan budaya secara adaptif mampu menyumbang kepada pemuliharaan warisan, memanfaatkan potensi bagi membolehkan pembangunan mampan dan meningkatkan daya huni bandar. Penggunaan semula adaptif merupakan keupayaan sesuatu warisan beradaptasi dengan perubahan zaman tanpa membuatkan tinggalan-tinggalan warisan kehilangan nilai-nilainya. Selain itu, ianya juga dapat dikategorikan sebagai satu langkah intervensi ke atas persekitaran binaan sedia ada dimana telah terbukti bahawa adaptif ini mampu memulihara warisan budaya dan menjana ekonomi, alam sekitar serta sosial (Architect's Council of Europe, 2018). Hasil kajian mendapati bahawa, terdapat 55 tema yang merangkumi cabaran dan penyelesaian antaranya ialah

pengurusan, pengetahuan, pengukuhan dan lain-lain. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran kepada bakal pihak berkepentingan dalam penggunaan adaptif warisan budaya ke depannya.

Warisan memberikan potensi yang besar dalam beberapa bidang terutamanya bidang pelancongan. Menurut Schaub, M. (2020), dalam kajiannya menyatakan bahawa tinggalan warisan ini mampu untuk mengembangkan usaha produk pelancongan baharu. Pelancongan yang berasaskan warisan ini mengambil kira warisan budaya, sama ada warisan budaya ketara atau tidak ketara. Justeru itu, pelancong lebih menghargai kepelbagaian budaya, seni dan alam sekitar di sesuatu tempat melalui pelancongan berasaskan warisan. Bukan itu sahaja, aktiviti ini juga mampu memberikan impak positif kepada perekonomian kawasan tersebut. Di Malaysia, bidang ini sememangnya bukan satu bidang yang baharu untuk diperkenalkan. Tambahan lagi dengan kelebihan negara yang mempunyai pelbagai tinggalan warisan yang unik dan menarik, sehingga ada sebilangan daripadanya telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO. Misalnya seperti Taman negara Mulu dan Taman Negara Kinabalu (Z. Ramli et al., 2015).

Bukan itu sahaja, kajian yang dijalankan oleh Wibawati & Prabhawati (2021), melihatkan bagaimana warisan kulineri dijadikan sebagai tarikan bagi pelancong datang ke tempat mereka. Lebih-lebih lagi warisan kulineri merupakan hal yang paling diminati dan berharga di mata pelancong. Hal ini kerana, keunikan rasa dan kepelbagaian

hidangan khas ini mencerminkan budaya, sejarah dan identiti satu-satu kawasan atau negara. Selain itu, warisan kuliner sangat penting dalam mempelajari dan memahami sesebuah masyarakat serta memberikan pengalaman gastronomi yang mampu menarik pelancong untuk mencuba dan mengalami sesuatu yang baharu.

Berbeza pula dengan kajian yang dilakukan oleh Cui et al (2023), yang mengkaji bagaimana organisasi kebudayaan semakin memanfaatkan media sosial dalam aktiviti mereka. Interaksi media sosial mampu memberikan gambaran mengenai perubahan sifat dalam penglibatan warisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, interaksi melalui media sosial mampu meningkatkan kesedaran melalui perkongsian informasi-informasi terkini mengenai sesuatu warisan. Selain itu, media interaksi sosial juga digunakan sebagai satu platform berkongsi pengalaman antara pengguna media sosial. Sehubungan dengan itu, kita dapat melihat promosi dan penyebaran budaya pada masa lalu kini dilakukan melalui pendigitalan (Innocente et al., 2023).

### **2.2.1 Jenis-jenis Warisan**

Jenis-jenis warisan merupakan pembahagian kategori bagi sesuatu warisan. Menurut Ghazali et al, (2021) jenis warisan merujuk kepada warisan budaya tidak ketara dan tidak ketara. Warisan yang menggambarkan identiti masyarakat atau sesebuah bangsa dikenali sebagai warisan budaya. Sebilangan kecil daripada warisan ini masih kekal relevan untuk masa yang lama Sementalahan itu, warisan

semulajadi pula berada di kawasan yang agak pelosok dan terasing. Hal ini dikatakan demikian kerana warisan semulajadi merujuk kepada kekayaan sumber alam seperti landskap dan sumber daya alam.

*Article 1*

*For the purpose of this Convention, the following shall be considered as "cultural heritage":*

*monuments: architectural works, works of monumental sculpture and painting, elements or structures of an archaeological nature, inscriptions, cave*

*dwelling and combinations of features, which are of outstanding universal value from the point of view of history, art or science;*

*groups of buildings: groups of separate or connected buildings which, because of their architecture, their homogeneity or their place in the landscape, are of outstanding universal value from the point of view of history, art or science;*


*sites: works of man or the combined works of nature and man, and areas including archaeological sites which are of outstanding universal value from the historical, aesthetic, ethnological or anthropological point of view.*

...

(Sumber: UNESCO, 1972)

Pernyataan UNESCO diatas ada menjelaskan mengenai warisan kebudayaan yang terbahagi kepada tiga iaitu monumen, sekumpulan bangunan dan tapak. Setiap jenis warisan kebudayaan ini mempunyai pengertiannya dan ciri-ciri yang berbeza.


Yusoff & Hanafiah (2015), ada membincangkan mengenai jenis-jenis warisan yang telah termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Menurutny, warisan tergolong dalam empat kategori iaitu warisan budaya, warisan alam semula jadi, warisan budaya bawah air dan warisan tokoh orang hidup. Bagi warisan budaya, terdapat dua lagi pecahan yang membawa kepada warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Selain itu, warisan budaya bawah air juga boleh dibahagikan kepada kategori warisan budaya bawah air ketara dan warisan budaya tidak ketara. Jika diteliti, Malaysia sememangnya mempunyai banyak sekali tinggalan warisan. Justeru itu, penekanan terhadap perlindungan warisan daripada pelbagai aspek seperti kuasa penguatkuasaan dan penggubalan undang-undang perlu dilaksanakan.



Carta alir 2.1: Jenis Warisan

Sumber: Pengkaji berdasarkan  
Yusoff & Hanafiah (2015)

Manakala, jika menurut penerangan daripada A. Ghafar Ahmad (2010). Akta 645 juga ada menerangkan mengenai apa sahaja yang boleh dikatakan sebagai warisan kebudayaan seperti berikut.



Carta alir 2.2: Jenis Warisan Kebudayaan

Sumber: Pengkaji berdasarkan A. Ghafar Ahmad (2010)

### 2.2.2 Tapak Warisan

Akta Warisan Kebangsaan (2005) ada menjelaskan mengenai takrifan tapak warisan dimana tapak ini akan ditetapkan dibawa kuasa pesuruhjaya. Lebih-lebih lagi, jika tapak-tapak tersebut mempunyai warisan semulajadi atau warisan kebudayaan yang penting. Hal ini juga turut disokong oleh kajian Samsudin (2013), dimana beliau menegaskan bahawa setiap produk warisan yang mempunyai unsur tapak seperti bangunan atau monumen, mudah untuk dibina dan dikekalkan oleh kumpulan manusia pada zaman dahulu secara turun-temurun. Hal ini berdasarkan pemikiran manusia untuk membina sebuah ketamadunan kaum, termasuklah corak budaya masyarakat, tradisi, adat kepercayaan dan tingkah laku.

Kajian Bozány & András (2007), ada mengulas mengenai jenis tapak warisan. Menurut mereka, tapak dikelaskan mengikut jenis warisan, sudut pandangan perancangan kemudahan, pemecahan dan kadar kawasan terbina dalam, pengaruh manusia serta aplikasi. Manakala Abdullah et al. (2023), menerangkan bahawa tapak warisan dikatakan terbahagi kepada beberapa jenis. Antaranya ialah tapak arkeologi yang menyumbang ke arah arkeologi pelancongan. Hal ini kerana memberi kesan yang besar kepada komuniti setempat seterusnya negara

Kajian terhadap tapak warisan dikatakan masih lagi tidak menyeluruh. Hal ini dinyatakan dalam kajian yang dijalankan oleh Chu (2019), dimana beliau mengatakan bahawa pengurus tapak warisan sering

mengutamakan pembangunan infrastruktur berbanding kajian terhadap agen-agen penyebab kemerosotan dan kehilangan barang warisan.

Manakala pada kajian yang dijalankan oleh Volzone et al. (2022), melihat bagaimana mereka menghasilkan dokumentasi digital 3D pengecaman penempatan, kajian literatur, penyelidikan arkib, bancian dan analisis morfologi struktur fizikal. Sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah 131 biara yang diubah, diabai dan dihancurkan pada tahun 1834. Pengkaji juga berharap agar kajian ini mampu menggalakan kesedaran komuniti berhampiran dan pentadbiran awam serta menggalakan pemuliharaan.

### **2.2.3 Monumen**

Agapiou et al. (2015), dalam kajiannya ada menyatakan bahawa proses perbandaran adalah hasil daripada pertumbuhan penduduk, migrasi dan inisiatif infrastruktur. Namun hal ini dilihat memberi kesan langsung kepada tapak warisan budaya. Hal ini kemungkinan disebabkan oleh sistem perbandaran yang tidak teratur yang memberi kesan buruk kepada monumen bersejarah dan kebudayaan.

Bagaimanapun, Gu & Katayama (2023), dalam kajian mereka menemukan kerosakan yang juga boleh disebabkan oleh flora dan fauna. Ancaman ini menjadi semakin serius apabila dunia sedang dilanda Covid-19 dimana bilangan pelancong pada masa tersebut menurun dengan drastik. Hal ini yang menyebabkan populasi kelawar dan monyet



meningkat dan memberi kesan kepada usaha perlindungan yang dijalankan.

Samsudin & Sulong (2013), pelancongan warisan dengan mengekalkan keaslian monumen adalah salah satu langkah penting dalam menarik kedatangan pelancong. Oleh itu, ketepatan kepada reka bentuk monumen dan lakonan peristiwa adalah faktor utama dalam membangunkan aktiviti pelancongan warisan.

Kajian seterusnya bertajuk Perbandingan Keberkesanan Kaedah Mendokumentasikan Maklumat Bangunan Warisan Melalui Perwakilan Digital BIM Dan CAD dijalankan oleh Suhaimi et al. (2022). Dalam kajian ini mereka menyatakan bahawa dokumentasi merupakan proses penting dalam pemuliharaan bangunan sebelum sebarang keputusan dalam menentukan gerak kerja selanjutnya diambil. Tambahan lagi, pendokumentasian maklumat bangunan warisan memerlukan kaedah dan teknik inovatif agar data yang diperolehi boleh diurus dengan baik. Hal ini adalah perlu bagi memastikan apa-apa perubahan seperti pembaikan, penambahan atau perobohan pada bahagian aset dicatat dan mengekalkan keaslian aset. Oleh itu, *Building Information Modelling (BIM)* dan *Computer-Aided Drafting (CAD)* digunakan dalam kajian ini.

Perbincangan selanjutnya adalah daripada kajian Naniopoulos & Tsalis, (2015) yang mengatakan bahawa tapak arkeologi dan monumen, mengikut sifatnya, tidak membenarkan campur tangan yang besar

terhadap struktur tersebut sehingga menyebabkan monumen tersebut tidak dapat diakses lagi. Tambah mereka lagi, sebarang intervensi mestilah dilakukan secara sensitif dan berhati-hati. Hal ini adalah perlu agar tidak mengubah sebarang bentuk atau merosakkan monumen sama ada secara visual atau melalui struktur.

Menurut Swastikawati et al. (2014) yang menjalankan Kajian Konservasi Tinggalan Megalitik di Lore, Sulawesi Tengah menyatakan bahawa antara jenis kerosakan yang dapat berlaku pada monumen batu ialah endapan atau kerak yang berwarna merah, pengelupasan (*scalling*), retak, pecah, batu yang rapuh dan ditumbuhi dengan alga, lichen dan moss. Lain daripada itu, proses kerosakan dan pelapukan monumen batu juga boleh berpunca dari sifat batu itu sendiri dan kawasan persekitaran monumen yang terdedah dengan keberadaan air. Antara kerja konservasi yang boleh dilakukan ialah konservasi preventif seperti pemeliharaan secara rutin, pengawalan terhadap suhu dan kelembapan udara di sekitar batu, mengawal pencemaran udara dan banyak lagi. Manakala, active conservation adalah upaya dalam merestorasi kerosakan dan pelapukan yang telah berlaku.

### **2.3 Nilai Kepentingan Warisan**

Alois Riegl merupakan individu pertama yang membincangkan mengenai kepentingan budaya atau nilai warisan budaya pada awal abad ke-20. Isu ini semakin berkembang secara meluas dengan cepat hampir ke seluruh negara semenjak Burra Charter (1999) memberi penerangan yang lebih spesifik

(Fitri et al., 2015). Tambahnya lagi, sehingga kini nilai warisan budaya termasuk definisi, teori dan kaedah untuk menilai warisan budaya masih menjadi topik perbincangan antara penulis.

Kepelbagaian nilai-nilai budaya yang dimiliki sebenarnya mampu untuk membangun dan mengasah karakter sesuatu bangsa (Yunus, 2013). Antranya ialah melalui aspek sejarah. Aspek sejarah sesuatu warisan mampu memberikan pemahaman keadaan pada masa lalu. Sejarah yang penuh makna sudah semestinya merupakan satu bentuk kekayaan yang bernilai. Jika tidak didasari dengan usaha untuk memulihara, maka sejarah masa lalu hanya mampu dikenang sahaja oleh generasi seterusnya (Farid, 2020).

Selain itu, nilai sejarah mampu memberikan ciri-ciri pada sesebuah warisan budaya dimana penekanan lebih adalah pada unsur bentuk dan materialnya (Agusintadewi et al., 2019). Tambahnya lagi, generasi seterusnya memerlukan ruang dan masa bagi menghayati dan melihat kekayaan budaya yang pernah dimiliki oleh nenek moyang mereka menerusi bukti nyata sejarah.

Seterusnya ialah nilai seni bina terutamanya terhadap warisan budaya. Di Turki, mereka mula mengubah sistem pembinaan bangunan warisan. Puncanya bukan sahaja kerana bangunan tersebut mempunyai kepentingan seni bina, identiti negara tetapi mereka menyedari bahawa sampai satu tahap bangunan-bangunan tersebut tentukan mengalami masalah kerosakan. Oleh itu, satu cadangan sistem baharu diusulkan dengan mengambil kira peraturan

bencana alam (Kopuz & Bal, 2023). Usaha ini dilihat sebagai satu langkah yang positif dalam menyelamatkan warisan seni bina daripada kerosakan disebabkan oleh faktor usia dan bencana alam.

Bukan itu sahaja, warisan seni bina menggalakan aktiviti pelancongan dan pertumbuhan ekonomi luar bandar serta perubahan dalam tingkah laku sosial. Hal ini terjadi kerana, masyarakat mula mengangap warisannya adalah cara kearah pemerksaan dan inovasi (Quintana et al., 2022).

Selain itu, kajian (Rumpa et al., 2018), membuktikan bahawa dalam usaha memelihara nilai-nilai yang terdapat dalam sesebuah warisan, perlunya metod atau langkah-langkah yang lebih efektif misalnya penggunaan teknologi. Langkah ini dilihat mampu untuk menghindari kepupusan dan kerosakan selain meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat. Contohnya, dalam kajian Hassan et al (2020), dimana penggunaan teknologi 3D diaplikasikan menjadi seperti muzium tanpa menghilangkan aura muzium itu sendiri. Justeru itu, dalam mewujudkan keputusan yang strategik bagi kepentingan pemeliharaan, nilai-nilai warisan haruslah difahami dengan lebih mendalam terlebih dahulu.

#### **2.4 Pemuliharaan Warisan**

Memelihara, membaikpulih, membina semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya ditakrifkan sebagai pemuliharaan (Akta Warisan Kebangsaan 2005). Amalan pemuliharaan warisan merupakan salah satu cara dalam mengangkat tinggi identiti bagi sesuatu masyarakat. Seiring dengan perubahan zaman, seringkali

amalan ini dikaitkan dengan gejala perubahan budaya yang dikatakan mampu melenyapkan tradisi yang telah menjadi satu kebiasaan sesuatu masyarakat (Razali et al., 2016). Azman et al. (2010), dalam kajiannya juga menyatakan bahawa pendedahan mengenai pemuliharaan ini melalui pendidikan adalah sesuatu yang amat penting Hal ini kerana pelbagai isu yang timbul dan dapat memberi kesan kepada warisan boleh dicegah lebih awal.

Pemuliharaan warisan kini telah mendapat perhatian lebih daripada pihak berwajib. Buktinya adalah dengan kewujudan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Akta ini merupakan dokumen perundangan kerajaan dalam usaha menyelamatkan dan memelihara warisan negara. Impak positif yang dapat dilihat melalui pewartaanya adalah pengurusan yang sistematik dan berkesan. (Y. M. Yusoff et al., 2010). Walaupun begitu, keberkesanan dalam menjaga dan melindungi warisan secara meluas masih sukar dilakukan jika tidak ada penglibatan daripada komuniti setempat. Hal ini disebabkan oleh komuniti merupakan kumpulan masyarakat yang berada dekat dengan produk warisan tersebut (Daeng jamal & Ramli, 2021).

Bukan itu sahaja, dalam kajian yang dijalankan oleh De Paolis et. al (2022), membuktikan bahawa penggunaan teknologi dalam pemuliharaan warisan telahpun dimulakan. Kandungan sejarah yang didapati daripada analisis digunapakai bagi melengkapkan proses tersebut. Sementara di India, sistem pengangkutan, kemudahan meletak kereta, laluan pejalan kaki juga diambil kira dalam pemuliharaan monumen warisan (United News of India, 2011). Bahkan, kebimbangan kemanusiaan, pembangunan dan pentadbiran

juga diberi perhatian oleh pihak berkepentingan (Daly et al., 2023). Hal ini bermakna, keadaan persekitaran sesuatu warisan itu berada atau diletakkan haruslah diambil kira pembangunannya agar mampu memberikan satu daya tarikannya yang tersendiri.

Berdasarkan A.Ghafar Ahmad (2010), pemuliharaan warisan di Malaysia meningkat naik selepas sahaja UNESCO memberi pengiktirafan kepada Bandaraya Melaka dan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia pada 7 Julai 2008. Di sebalik kejayaan Malaysia mendapat pengiktirafan, terdapat beberapa badan atau agensi yang bertanggungjawab dan berusaha dalam mencalonkan tinggalan-tinggalan warisan untuk diiktiraf. Beberapa agensi yang memikul tanggungjawab dalam menjalankan pemuliharaan warisan ialah Jabatan Warisan Negara termasuk pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan. Kesemuanya memainkan peranan dalam memastikan kerja pengurusan pemuliharaan berjalan dengan baik.

Selain mampu menyuntik perkembangan ekonomi negara yang membawa kepada kestabilan ekonomi, pemuliharaan sangat penting kerana mampu membuka peluang kepada kajian penyelidikan sejarah. Melalui penyelidikan yang dilakukan, kesinambungan sejarah dapat dikukuhkan (Paidi et al., 2014). Oleh itu, kebimbangan terhadap kepupusan tinggalan warisan dapat diredakan dan menjamin kelestariantinggalan-tinggalan warisan.

## **2.5 Pengurusan Warisan**

Menurut Syed Mahmud (2017), pengurusan merupakan kaedah dalam

merancang, mengarah, menyusun dan mengawal kakitangan organisasi dalam usaha menggunakan sumber-sumber organisasi bagi memenuhi sasaran organisasi yang telah ditentukan. Tambahnya lagi, pengurusan warisan merupakan satu gerak kerja yang memberi perhatian kepada pengawalan budaya melibatkan aspek budaya, sejarah dan seni. Selain itu, pengurusan warisan secara terancang telah dimulakan sejak tahun 1974 ini merangkumi aspek pemeliharaan, perlindungan dan konservasi warisan budaya (Ugong, Bala, & Basrah Beee, 2018).

Secara umum, pengurusan warisan di Malaysia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini disebabkan oleh sikap masyarakat yang kurang peka terhadap usaha ini (N. I. Ramli, 2022). Perkara ini turut menjadi perbincangan Mustafa et al. (2015), dimana pada pandangannya, pengurusan warisan di Malaysia boleh dikatakan bermula agak perlahan. Hal ini disebabkan oleh kesedaran dalam kalangan pihak berwajib baru wujud ketika bekas Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad memerintah negara pada tahun 1980-an. Didapati bahawa masyarakat dan pihak berwajib masih mempunyai peranan dan tanggungjawab besar dalam pengurusan warisan.

Timbul pelbagai kekangan dalam usaha menguruskan sesuatu warisan dan lazimnya disebabkan oleh perkembangan politik, industri, dan pertumbuhan negara. Secara tidak langsung, perkara ini menimbulkan impak negatif terhadap persepsi masyarakat yang memandang pengurusan warisan sebagai langkah yang membantutkan pembangunan. Selain itu, muncul juga persoalan terhadap perundangan warisan yang telah wujud serta pihak

kepentingan yang melaksanakannya, adakah ianya sudah cukup untuk mengurus semua yang berkaitan dengan warisan? (Baco, 2018)

Ugong et al. (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa apabila berkaitan dengan sebuah badan persatuan, perancangan dan kawalan sumber, pengurusan haruslah menjadi elemen yang penting. Hal ini bagi memastikan kewujudan sesebuah institusi yang baik. Samsir et al. (2014) juga menegaskan bahawa kerja-kerja pengurusan yang berjalan dengan baik, keperluan dan pemuliharaan alam sekitar serta kehendak pengunjung dapat diselaraskan

## **2.6 Pelan Pengurusan Warisan**

Pelan pengurusan pemuliharaan ditafsirkan sebagai satu pelan bagi kerja-kerja pemuliharaan yang telah disediakan di bawah seksyen 46 (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Pelan ini juga dikenali sebagai dokumen rujukan bagi segala aktiviti yang dijalankan ke atas objek warisan. Di Malaysia, bahagian konservasi merupakan badan yang bertanggungjawab menyelia pelaksanaan projek yang dijalankan oleh Jabatan warisan Negara (JWN) serta menyediakan dokumen Pelan Pengurusan Pemuliharaan (Jabatan Warisan Negara). Menurut Fund (2013), pelan pengurusan pemuliharaan ialah dokumen yang menyatakan kepentingan aset warisan dan bagaimana kepentingan itu mampu dikekalkan dalam kehidupan masa hadapan.



Zaini (2006), dalam kajiannya menyatakan bahawa pengurusan pemeliharaan yang dijalankan tidak hanya tertakluk kepada objek-objek warisan sahaja tetapi juga kepada kawasan persekitaran yang mampu mempengaruhi objek-objek tersebut. Tambahnya lagi, perancangan yang meluas mampu membantu dalam menghasilkan satu pelan yang kolusif. Hal ini memungkinkan pembangunan yang bersepadu dan mampan kerana berjaya mengimbangi kepentingan pembangunan dalam masa yang sama melindungi tinggalan warisan.

Pelan pengurusan warisan ini termasuk pada empat undang-undang Malaysia iaitu, Akta Warisan Kebangsaan 2005, Enakmen Warisan Penang 2011 (Enakmen 14), Enakmen Warisan Negeri Sabah 2017 (No.7) dan Ordinan Warisan Sarawak 2019 (Bahagian 77). Bagi setiap kerja-kerja pemuliharaan, pelan pengurusan yang disediakan juga adalah berbeza (Arpin et al., 2022). Hal ini kerana, keempat-empat undang-undang ini mempunyai kerelevanan yang lebih signifikan ke atas tempat masing-masing.

Menurut A. Ghafar Ahmad (2015), terdapat lima tahap dalam penyediaan pelan pengurusan pemuliharaan. Pertama ialah memahami bangunan dan persekitarannya, mengenalpasti warisan budaya yang signifikan, mengenalpasti isu- isu yang berlaku, membangunkan dasar pemuliharaan dan membangunkan pelan tindakan. Setiap satu aspek ini harus dilakukan tanpa mengabaikan satu aspek agar pelan pengurusan yang disediakan adalah sempurna.

## 2.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, sorotan kajian pada bab dua ini merupakan perbincangan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Pelbagai aspek telah disentuh dan dibincangkan bagi meningkatkan pemahaman pengkaji dan pembaca mengenai kajian yang dijalankan. Selain itu, hasil daripada sorotan kajian ini, diketahui bahawa pentingnya konservasi. Tindakan pemuliharaan terhadap tinggalan warisan adalah penting bagi menjaga warisan budaya, sejarah dan reka bentuk yang berharga bagi masyarakat dan generasi mendatang. Seterusnya, perancangan yang tersusun. Pengurusan pemuliharaan memerlukan rancangan yang tersusun bagi memudahkan proses mengenal pasti, mendokumentasi dan menilai tapak warisan serta membangunkan strategi penyelenggaraan yang komprehensif.



## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan mengenai teknik yang digunakan dalam mereka bentuk, mengumpul dan membuat analisis data. Hal ini bagi menjelaskan bagaimana kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah yang ditentukan. Seterusnya, metodologi kajian memberi panduan kepada pengkaji semasa menjalankan kajian dan pembaca ketika membaca kajian ini serta menjadikan kajian ini lebih sistemastik. Akhir sekali, pengkaji menggunakan sepenuhnya rekabentuk kajian kualitatif dalam kajian ini.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kaedah ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan kerana kajian tertumpu kepada satu fokus kajian sahaja. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang bersifat diskriptif dimana pemerhatian, temubual dan analisis dokumen merupakan aspek yang diberi perhatian (Jasmi, 2012) dalam mendapatkan data.

##### 3.2.1 Pemerhatian

Pemerhatian secara langsung dilakukan bagi membuat analisis awal secara kasar mengenai keadaan fizikal sebenar Batu Sumpah Keningau. Selain itu, pemerhatian terhadap persekitaran Muzium Warisan

Keningau terutamanya kawasan persekitaran monumen tersebut diletakkan. Hal ini bagi melihat apa sahaja kemudahan atau mungkin infrastruktur yang telah dibangunkan bagi memulihara batu sumpah dan memberikan kemudahan di sekitarnya. Bukan itu sahaja, pemerhatian juga dijalankan di beberapa tempat dimana monumen ini pernah diletakkan bagi mengamati suasana tapak tersebut dan memahami sebab mengapa batu tersebut dipindahkan.

### **3.2.2 Temubual**

Bagi kaedah temubual, pengkaji akan menggunakan teknik bebola salji. Selain itu, teknik bebola salji ini digunakan bagi mendapatkan data daripada informan yang berpotensi mengetahui dan mempunyai maklumat yang diinginkan. Kaedah ini akan dimulakan terhadap pegawai-pegawai di Muzium Warisan Keningau. Hal ini bagi memungkinkan pengkaji mampu menjawab objektif yang telah ditetapkan.

### **3.2.2 Kajian Dokumen**

Kaedah kajian dokumen dijalankan adalah bagi mencari maklumat tambahan yang mungkin tidak dibahas secara terperinci oleh informan. Selain itu, kajian dokumen juga adalah untuk memastikan pengkaji dapat memahami dengan lebih lanjut segala proses yang berkaitan dengan monumen ini melalui bukti dokumen yang ada.

### **3.3 Teknik Pengumpulan Data**

Data kualitatif diperolehi melalui pengumpulan sumber primer iaitu pemerhatian, temubual dan analisis dokumen manakala sumber sekunder

diperolehi melalui rujukan perpustakaan dan carian di internet.

### **3.3.1 Data Primer**

Data utama yang belum diolah dan diubah suai dikenali sebagai data primer. Data ini diperolehi secara langsung daripada kajian lapangan, informan. diperolehi melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temubual yang dijalankan secara informal bersama responden misalnya seperti individu yang mengetuai pimpinan adat semasa proses pemindahan batu sumpah tersebut. Seterusnya, temubual secara formal kepada responden yang berjawatan seperti pegawai muzium. Selain itu, pemerhatian terhadap monumen itu sendiri, persekitaran tapak baharu dan tapak-tapak lama monumen serta kajian lapangan.

### **3.3.2 Data Sekunder**

Pengkaji mendapatkan bahan rujukan tambahan daripada data sekunder. Bahan ini termasuklah rujukan kepustakaan, kajian lepas, berita semasa dan sumber internet.

## **3.4 Persampelan**

Sampel yang digunakan dalam menjalankan kajian ini ialah persampelan bertujuan dan tidak kebarangkalian dengan teknik bebola salji. Oleh itu, persampelan adalah berkaitan dengan cara pengkaji memilih sebilangan sampel bagi dijadikan sebagai responden kajian. Dalam kajian ini, sasaran awal terdiri daripada pegawai muzium. Pengkaji akan meminta responden untuk mencadangkan informan-informan lain

yang mempunyai ciri-ciri sesuai dan tepat mengenai kajian. Kaedah ini akan dilakukan

sehingga pengkaji mendapati tidak ada lagi maklumat baru yang ditemui tanpa bertindan dengan maklumat yang telah diperolehi daripada sampel-sampel sebelumnya (Glaser & Strausss 1967; Guba 1978).

### 3.5 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyediakan beberapa instrumen kajian yang akan digunakan semasa mendapatkan data. Pertama ialah soalan temubual separa berstruktur. Menurut Shuib (2019), kaedah temubual separa bersruktur membenarkan soalan baharu dilontarkan berdasarkan jawapan yang diberikan.

Bukan itu sahaja, pelbagai tema akan dibincangkan dan menghasilkan satu kesimpulan yang baik. Hal ini bermaksud, soalan yang telah disenaraikan tetap akan menjadi dominan dan dijadikan sebagai garis panduan pada masa yang sama. Proses soalan temubual terdiri daripada pengenalan, soalan pembuka, soalan kunci, soalan- soalan berkaitan dengan soalan kunci dan soalan penutup seperti berikut.

<b>Bil.</b>	<b>Contoh soalan yang dikemukakan</b>
1.	<p><b>Pengenalan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberikan salam.</li> <li>- Bertanya apakah boleh menanyakan beberapa soalan mengenai Batu Sumpah Keningau.</li> <li>- Perkenalkan diri.</li> </ul>

2.	<p><b>Soalan pembuka</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Soalan menjurus kepada maklumat ringkas responden seperti nama, umur dan lain-lain.</li> <li>- Bertanya khabar.</li> <li>- Berapa lama bertugas (di situ).</li> </ul>
3.	<p><b>Soalan kunci</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Boleh encik/cik ceritakan sejarah Batu Sumpah Keningau?</li> <li>- Apakah sebab monumen ini berpindah tapak?</li> <li>- Mengapakah memilih Muzium Warisan Keningau sebagai tapak terkini monumen tersebut?</li> <li>- Penerangan mengenai ritual yang dijalankan semasa proses pemindahan tapak.</li> <li>- Terangkan mengenai ciri fizikal batu sumpah.</li> </ul>
4.	<p><b>Soalan berkaitan soalan kunci</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pandangan encik/cik mengenai individu yang berkerja keras semasa mengambil batu ini. Adakah perlu dimasukkan ke dalam perjalanan sejarah batu sumpah sebagai bentuk penghargaan kepada mereka? ( kalau iya, minta maklumat mengenai individu. Kalau tidak, tanya siapa yang mungkin kenal individu tersebut)</li> <li>Isu plat hilang dan ayat ‘Kerajaan Malaysia Menjamin’. Bagaimana isu tersebut boleh berlaku, siapa pihak bertanggungjawab dan pendekatan yang diambil bagi mengatasi isu tersebut.</li> <li>- Mengapakah ritual tersebut harus dilakukan?</li> <li>- Bagaimana, proses, dll yang berkaitan dengan ritual.</li> <li>- Adakah proses pemuliharaan terhadap batu ini dijalankan?</li> <li>- Pemindahan beberapa kali, adakah berlaku kerosakan terhadap monumen ini?</li> <li>- Peruntukan bajet pada tahun 2017 untuk pemindahan tapak kali kedua, adakah pemindahan kali pertama juga ada peruntukan?</li> <li>- Status batu kalau belum diwartakan, apa usaha mereka? Kalau usaha, apa yang dilakukan bagi memulihara batu tersebut?</li> </ul>
5.	<p><b>Soalan penutup</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertanyakan mengenai individu mana yang sepatutnya ditemubual (bagi beberapa soalan yang mungkin tidak dapat dijawab).</li> <li>- Terima kasih.</li> </ul>

Jadual 3.1: Rangka soalan yang akan disoalkan kepada informan

Sumber: Pengkaji

Selain daripada beberapa soalan temubual, pengkaji juga menggunakan beberapa alat bantu lain bagi memudahkan proses pengumpulan data. Antaranyaseperti telefon bimbit bagi menangkap bukti gambar dan merekod video dan suara, buku nota dan *pendrive*. Apabila data telah diperolehi, data akan dipindahkan ke *pendrive* dan *Google*

*Drive* bagi memastikan data tidak hilang.

### 3.6 Analisis Kajian

Analisis tematik digunakan dalam penghuraian data dimana terdapat beberapa peringkat. Analisis ini merupakan proses awal dalam mengenal pasti tema atau pola dalam data kualitatif. Seterusnya, analisis ini merupakan kaedah yang tidak terhad kepada perspektif atau teori tertentu. Hal ini menjadikan analisis tematik fleksibel dan mempunyai kelebihan yang boleh digunakan dalam pelbagai reka bentuk kajian kualitatif. Terdapat beberapa langkah dalam analisis ini

Langkah	Tindakan
Langkah 1	Membiasakan diri dengan data sebelum ke peringkat seterusnya. Pengkaji juga perlu membuat pembacaan berulang kali dan nota ringkas pandangan terhadap data yang diperolehi.
Langkah 2	Mencipta kod permulaan dimana data disusun dengan cara yang bermakna dan sistematik. Terdapat pelbagai cara dalam pengekodan bergantung dengan perspektif dan persoalan kajian. Antaranya dengan mengekod setiap baris teks atau hanya kepada frasa atau ayat yang memberi makna kepada isu yang dikaji.
Langkah 3	Mencari tema adalah perlu namun tidak ada peraturan tetap dan cepat dalam menentukan tema kerana bergantung kepada ciri-ciri kepentingannya. Data yang telah dikodkan perlu dikaji bagi menjadikan sebagai satu tema.
Langkah 4	Menyemak semula tema, mengubahsuai dan membangunkan tema awal yang dikenal pasti pada langkah 3. Data-data yang berkaitan dengan tema akan dikumpulkan. Beberapa perkara perlu difikirkan semasa membentuk tema seperti kelogikan tema dan data yang menyokong tema.



Langkah 5	Tentukan tema adalah peringkat penyempurnaan terakhir tema dan matlamat bagi mengenal pasti intipati tema-tema yang telah dibuat.
Langkah 6	Penulisan adalah langkah akhir dalam menghasilkan laporan.

Jadual 3.2: Analisis Tematik

Sumber: Pengkaji

### 3.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bab ini membincangkan mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data. Tambahan pula, bab ini juga menerangkan cara bagaimana data yang diperoleh diolah mengikut bentuk kajian yang telah ditetapkan. Misalnya, pemerhatian lapangan dan temubual dengan teknik bebola salji. Akhir sekali, metodologi kajian pengurusan pemuliharaan tapak warisan harus mencakup langkah-langkah untuk mengenalpasti tujuan, mengumpulkan dan menganalisis data, menyusun cadangan serta dan melaksanakan penyelesaian yang sesuai. Kajian ini juga mengambil kira aspek sosial, budaya dan alam sekitar bagi memastikan pemeliharaan dan penambahbaikan dapat dilakukan secara mampan untuk generasi akan datang.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini melaporkan dan membincangkan mengenai hasil dapatan yang telah diperolehi melalui kajian yang dijalankan ke atas Batu Sumpah Keningau. Kajian ini dilakukan berlandaskan kepada tiga objektif iaitu mengkaji sejarah batu sumpah, mengenalpasti nilai budaya yang terdapat pada batu sumpah dan terakhir mencadangkan kaedah pengurusan yang akan digunakan dalam memelihara batu sumpah. Hasil dapatan diperolehi melalui reka bentuk kajian yang telah ditetapkan seperti pemerhatian terhadap lokasi pertama dan lokasi terkini monumen, temu bual terhadap lima (5) orang informan serta menganalisis dokumen-dokumen penting. Melalui bab ini, pengkaji ingin membawa pembaca untuk memperdalamkan lagi pengetahuan terhadap objek tinggalan bersejarah terutamanya Batu Sumpah Keningau. Bukan itu sahaja, melalui kajian ini juga mampu membuktikan bahawa masih banyak peristiwa atau cerita penting mengenai Batu Sumpah Keningau yang belum diketahui ramai bahkan diulas dengan lebih mendalam walaupun monumen ini merupakan objek nyata yang penting.

#### 4.2 Sejarah Batu Sumpah Keningau

Penulisan semula perjalanan sejarah Batu Sumpah Keningau adalah berdasarkan peristiwa sebenar yang telah berlaku ketika itu khususnya di negeri Sabah. Perjalanan sejarah yang dimaksudkan ialah bermula daripada tempoh pembentukan sehinggalah berdirinya sebuah negara yang kini dikenali sebagai Malaysia. Seterusnya, penceritaan semula dilakukan bagi menambah beberapa perkara yang tidak begitu diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya untuk mengulas dengan lebih lanjut atau tidak

pernah diceritakan sama sekali pada mana-mana media. Hal ini adalah perlu bagi mengelakkan perkara atau peristiwa tersebut dilupakan begitu sahaja. Tambahan lagi, pengkaji ingin memastikan agar pembaca atau generasi seterusnya mengetahui bahawa sesuatu perkara tersebut benar-benar berlaku sebelum, semasa dan selepas proses pembentukan Malaysia di Sabah. Bukan itu sahaja, dalam penulisan ini, pengkaji juga membahagikan kepada tiga bahagian mengenai kewujudan batu sumpah, isu plak yang pernah dibangkitkan oleh pengkaji terdahulu dan punca perpindahan batu ini ke beberapa lokasi. Hal ini dilakukan bagi mengelakkan kekeliruan pembaca yang hanya mendapat maklumat yang agak tidak teratur terutamanya melalui pembacaan di internet. Berikut merupakan infografik yang merangkumi perjalanan pembentukan Persekutuan Malaysia.

#### 4.2.1 Kewujudan Batu Sumpah Keningau



Rajah 4.1: Garis masa Pembentukan Malaysia


Sumber: Pengkaji (berdasarkan huraian di bawah)

Batu sumpah yang telah wujud berpuluh tahun ini sememangnya menyimpan seribu satu cerita. Secara kasar, dapat dikatakan bahawa kewujudan batu ini dan alasan kewujudannya masih belum disedari ramai sehingga ke hari ini walaupun batu ini merupakan satu objek nyata yang penting. Seperti mana yang telah diketahui bahawa pembentukan negara Malaysia bukanlah mudah. Hal ini kerana, pembentukan ini telah melalui beberapa proses yang dapat dikatakan sangat sulit dan mempunyai empat badan atau organisasi yang bertanggungjawab dalam menyasat, menyusun dan memastikan semua perancangan berjalan dengan baik.

Dalam kajian ini, kesemua informan bersetuju bahawa alasan utama wujudnya batu sumpah ini disebabkan oleh kapasiti keraguan ahli politik Sabah atau lebih dikenali dengan Borneo Utara yang terlalu tinggi pada masa itu. Kebimbangan tersebut wujud apabila idea untuk bergabung bersama dengan Sarawak, Brunei, Singapura dan Tanah Melayu membentuk Persekutuan Malaysia diutarakan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Ibn Putra Al-Haj. Pada Mei 1961, kenyataan tersebut telah diwarwarkan untuk kedua kalinya (Buku Sejarah Penggal 3 Tingkatan 6) oleh pemimpin pertama Tanah Melayu itu pada satu Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara yang bertempat di Hotel Aldelphi, Singapura. Tujuan utama pembentukan adalah untuk menyekat pengaruh komunis yang dikatakan semakin meluas dan menggugat kestabilan politik serantau. Selain itu, idea tersebut juga mengambil kira beberapa perkara iaitu perkembangan politik di Singapura, mengimbangi jumlah penduduk, meningkatkan kemajuan ekonomi dan mempercepatkan kemerdekaan bagi Brunei, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura. (Portal Arkib Negara Malaysia)

Pengumuman tersebut telah mendapat maklum balas yang baik dalam kalangan pemimpin daripada beberapa wilayah. Oleh sebab itu, pemimpin-pemimpin tersebut mula berkumpul bagi membincangkan, membuat penelitian dan menimbang semula idea tersebut. Bagi rakyat Borneo Utara pada masa itu, mereka sememangnya mempunyai keinginan yang besar agar segera bebas daripada cengkaman penjajah. Namun begitu, keadaan politik yang bergejolak dan boleh dikatakan sangat berisiko di Asia Tenggara serta sedar bahawa mereka hanyalah sebuah negara yang kecil, menyebabkan mereka mula tertarik dengan idea pembentukan Persekutuan Malaysia. Pada masa yang sama, keinginan untuk mencapai kemerdekaan ini rupanya membawa kesangsian dan rasa curiga. Menurut penulisan Rayner F. Udong (2018), rakyat Borneo Utara beranggapan bahawa Persekutuan Malaysia adalah perkara yang menakutkan serta mampu menghilangkan jati diri.

Keraguan ini membawa kepada penolakan pertama oleh Borneo Utara diikuti dengan beberapa pihak lain terhadap idea untuk bergabung membentuk sebuah negara. Bagi menangani permasalahan ini, satu mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel cawangan Tanah Melayu dan Borneo telah diadakan di Singapura. Pemimpin Tanah Melayu dan Singapura mengambil kesempatan ini bagi memberi penjelasan mengenai konsep Malaysia kepada perwakilan Brunei, Sabah dan Sarawak yang turut hadir dalam mesyuarat itu. Hasil daripada mesyuarat ini, didapati bahawa salah faham dan kecurigaan yang timbul sebelum ini dapat dikurangkan.



Rajah 4.2: Ringkasan penubuhan JPPM / MSCC

Sumber: Pengkaji (berdasarkan huraian dibawah)

Seterusnya, mesyuarat juga bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) atau juga dikenali sebagai *Malaysian Solidarity Consultative Committee* (MSCC) yang dipengerusikan oleh Donald Stephens (Tun Datuk Hj. Mohd Fuad Stephens). Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menerangkan mengenai konsep pembentukan Malaysia kepada orang ramai khususnya penduduk Sarawak, Borneo Utara dan Brunei (Buku Teks Pengajian Am Penggal 3 Tingkatan 6). Bukan itu sahaja, jawatankuasa ini juga berperanan untuk mendengar pendapat daripada kalangan pemimpin serta rakyat Sarawak dan Borneo Utara (Portal rasmi Arkib Negara Malaysia). Hasilnya, jawatankuasa ini telah mengeluarkan laporan atau juga disebut sebagai 'Kertas Putih' pada Februari 1962. Di dalamnya terkandung dua perkara iaitu jawatankuasa ini telah memberikan peluang kepada pemimpin Borneo Utara dan Sarawak untuk memberi pendapat mengenai pembentukan Malaysia dan mencatatkan sebanyak empat kali mesyuarat yang diadakan di empat tempat yang berbeza iaitu Jesselton (Kota Kinabalu) pada 21 Ogos 1961, Kuching 18 Disember 1961, Kuala Lumpur 6 Januari 1962 dan terakhir bertempat di Singapura pada 1 Februari 1962. Bukan itu sahaja, Borneo Utara dan

Sarawak juga masing-masing mengeluarkan ‘Kertas Putih’ ini yang berkaitan dengan pembentukan Malaysia dan kemudiannya diserahkan kepada Suruhanjaya Cobbold. (Rayner F. Udong, 2018)


Sementara itu, pada November 1961 satu lagi jawatankuasa telah ditubuhkan melalui rundingan Kerajaan British bersama dengan pihak Tanah Melayu. Namun, jawatankuasa ini hanya dilantik dan berkuatkuasa pada Januari 1962. Jawatankuasa yang dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold (SC) bersempena dengan ketuanya, Lord Cobbold iaitu bekas Gabenor Bank England. Selain itu, terdapat juga ahli-ahli lain seperti Anthony Abell dan David Waterson sebagai wakil British, Dato’ Wong Pow Nee dan Tan Sri Mohd. Ghazali Shafie sebagai wakil Persekutuan Tanah Melayu serta Mr. H. Harris selaku setiausaha. Matlamat utama suruhanjaya ini adalah untuk menyiasat pemikiran dan pandangan rakyat Borneo Utara dan Sarawak mengenai gagasan Malaysia dan membuat beberapa syor perlembagaan.



Rajah 4.3: Peranan Suruhanjaya Cobbold dalam pembentukan Malaysia

Sumber: Pengkaji (berdasarkan huraian dibawah)

Suruhanjaya ini melaksanakan tugas mereka selama dua bulan bermula pada bulan Februari sehingga bulan April 1962. Sepanjang peninjauan tersebut, Suruhanjaya ini telah menemui lebih daripada 4000 orang dan menerima lebih 2200 memorandum daripada pelbagai pihak. Hasil daripada tinjauan tersebut telah menunjukkan bahawa sebanyak 80 peratus sokongan diberikan oleh rakyat Borneo Utara dan Sarawak. Sokongan ini juga telah mendapat pengesahan daripada perwakilan Setiausaha Bangsa-Bangsa Bersatu. Laporan ini kemudian dikemukakan kepada British dan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Jun 1962. Bukan itu sahaja, pada Ogos 1962 juga laporan suruhanjaya ini perihal pandangan Borneo Utara dan Sarawak telah diumumkan. Laporan tersebut menyatakan bahawa, 1/3 menyokong kuat pembentukan Persekutuan Malaysia, 1/3 memberi sokongan dengan syarat dan 1/3 lagi mahukan kemerdekaan sebelum menyokong pembentukan ini.



Rajah 4.4: Tugas Jawatankuasa Antara Kerajaan dalam pembentukan Malaysia

Sumber: Pengkaji (berdasarkan huraian dibawah)

Suruhanjaya ini juga turut menyokong pembentukan Malaysia dan mengesyorkan beberapa perkara. Pengesyoran tersebut diterima baik oleh Kerajaan



British. Setelah itu, Jawatankuasa Antara Kerajaan (J.A.K) yang ditugaskan untuk merangka Perlembagaan Malaysia ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lord Landsdowne, dibantu oleh Tun Abdul Razak dan ahli lainnya terdiri daripada perwakilan Tanah Melayu, British, Sabah dan Sarawak. Pada peringkat ini, 'Kertas Putih' yang telah dikeluarkan oleh Sabah dan Sarawak setelah JPPM selesai menjalankan tugas, mula diperhalusi dan dibincang semula. Hal ini dilakukan bagi mengelakkan sebarang keciciran jaminan perlindungan dan kemudiannya dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia yang akan dibentuk oleh J.A.K. Perlindungan dan jaminan itu juga disebut sebagai Memorandum atau lebih tepatnya "20 Perkara". Sarawak bersetuju dengan memorandum yang telah dikeluarkan oleh Sabah. Apabila kedua-dua wilayah ini telah menerima laporan hasil pembentangan yang dilakukan sebanyak dua kali di masing-masing wilayah, laporan ini seterusnya diluluskan oleh Parlimen Tanah Melayu. Memorandum ini kemudiannya menjadi Akta Malaysia 1963 (MA 63). Bukan itu sahaja, menurut laporan yang dikeluarkan oleh J.A.K, Perjanjian Malaysia akan ditandatangani pada 9 Julai 1963. Dalam masa yang sama, Brunei secara rasminya menarik diri daripada menyertai pembentukan ini.

Walaupun seperti sudah menemui titik terang kepada isu ini, namun masih terdapat perkara lain yang tetap menjadi kerisauan rakyat. Hal ini demikian kerana, 20 perkara tersebut bukanlah satu perkara yang mudah untuk difahami terutamanya oleh rakyat pedalaman pada masa itu. Tambahan lagi, jika sesuatu perkara tidak dimaterai menerusi amalan tradisi. Perkara inilah yang membawa kepada penolakan kali kedua rakyat Borneo Utara terhadap pembentukan Malaysia.

Menurut semua informan dan penulisan Rayner F. Udong (2018),

pembentukan Persekutuan Malaysia sememangnya mendapat bantahan daripada ketua-ketua masyarakat tempatan yang berpengaruh. Kecurigaan dan pelbagai macam bentuk penolakan muncul dalam kalangan ketua-ketua Anak Negeri atau juga dikenali sebagai orang kaya-kaya (OKK). Salah satunya ialah Gunsanad Samson Sundang atau lebih dikenali dengan Datuk G. S. Sundang. Beliau merupakan antara ahli politik yang aktif pada masa itu dan memegang jawatan sebagai ketua Parti Kebangsaan Pasok Momogun. Parti ini diperjuangkan oleh beliau bersama dengan saudaranya, OKK Sedomon yang menentang pembentukan Malaysia bermula pada September 1961 sehingga Mac 1963 (Ginsari & Fernando, 2015). Oleh itu, tidak hairanlah jika beliau merupakan seorang yang amat menentang proses pembentukan Malaysia dan prinsipnya juga sangat berbeza dengan prinsip kerajaan negeri ketika itu.

Beliau menginginkan masyarakat Borneo Utara terutamanya di pedalaman tetap terjamin dari segi ekonomi, adat budaya termasuklah tanah-tanah di Borneo Utara. Selain daripada parti beliau, terdapat juga beberapa parti lain yang turut menentang pembentukan ini. Antaranya ialah UNKO dan Persatuan Cina Sabah (SCA) iaitu gabungan Parti Bersatu dan Parti Demokratik (Buku Teks Sejarah Penggal 3 Tingkatan 6). Namun begitu setelah perundingan dan diplomasi diadakan, mereka mula bersetuju dan bergabung antara beberapa parti lalu akhirnya menyokong pembentukan ini.

Berbeza dengan beberapa parti yang mula bergabung, Datuk G. S. Sundang ketika itu masih lagi bersikap keras kerana terus meragukan akan beberapa perkara. Sebagai Ketua Masyarakat di Residensi Pedalaman, beliau bercadang untuk mencapai status kemerdekaan sendiri dengan mengekalkan '*self-government status quo*' sebelum bersetuju menyertai pembentukan Malaysia. Bukan itu sahaja, beliau juga

merupakan salah seorang daripada 1/3 yang menyokong pembentukan Malaysia jika Borneo Utara sudah mencapai kemerdekaan. Berikutan dengan sikap berkeras Datuk G. S. Sundang, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Abdul Razak telah mengadakan lawatan ke Bingkor pada tahun 1962. Lawatan ini tidak lain tidak bukan adalah untuk mencari jalan penyelesaian terhadap keraguan Datuk G. S. Sundang.

Sekali lagi, pelbagai jaminan dan kelebihan dijanjikan akan diperolehi oleh rakyat Borneo Utara khususnya rakyat pedalaman sekiranya mereka bersetuju untuk menyertai Malaysia. Datuk G. S. Sundang juga mengambil peluang melalui lawatan ini untuk berbincang, dan mengemukakan beberapa cadangan. Hasil daripada perbincangan secara bersemuka itu, beliau akhirnya memilih untuk bersetuju untuk menyokong gagasan Malaysia tetapi bersyarat. Syaratnya, beliau meminta agar hak-hak rakyat khususnya Anak Negeri harus dilindungi dan dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Perbincangan tersebut berakhir dengan kata putus yang positif apabila Tun Abdul Razak bersetuju dengan syarat tersebut. Oleh itu, selepas pembentukan Malaysia, beliau telah bertukar daripada seorang yang menentang pembentukan tersebut kepada pihak yang menyokong kerajaan. Apabila beliau telah bergabung dalam pihak kerajaan, beliau merasakan bahawa perlu ada sesuatu yang perlu dimateraikan agar terdapat sebuah perjanjian dan perkara itu mampu menjamin rakyat di Borneo Utara.

Keinginan Datuk G. S. Sundang telah menjadi titik permulaan kepada pencarian objek sebagai tanda perjanjian tersebut. Tan Sri Richard Lind adalah individu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas ini. Beliau merupakan seorang pegawai Daerah Keningau yang mula berkhidmat pada tahun 1962

seinggalah tahun 1964. Bukan itu sahaja, beliau juga merupakan individu yang bertanggungjawab bagi bertanya secara langsung kepada rakyat pedalaman atas arahan Tun Fuad Stephen mengenai keengganan mereka menyertai Malaysia. Rakyat-rakyat di pedalaman mengungkapkan kekusaran mereka dan mengkehendaki agar tiga perkara iaitu agama, adat istiadat dan tanah tetap terpelihara. (Borneo Today, 2021). Tambahan lagi, walaupun tuntutan tersebut sudah termasuk di dalam perkara 20, mereka masih ragu akan perjanjian yang hanya ditulis di atas kertas. Keraguan penduduk pedalaman ini sama seperti keraguan yang telah diutarakan oleh Datuk G. S. Sundang. Oleh itu, sebaik sahaja menerima perintah tersebut, beliau telah mengambil masa dan melakukan pencarian batu sumpah.

Menurut penerangan informan ketiga iaitu ketua Kampung Senang yang juga merupakan penduduk asli Kampung Senang, beliau menjadi saksi mata ketika proses mengambil batu itu dijalankan. Melalui informasi yang diberikan oleh beliau, Pegawai Daerah Keningau pada waktu itu, Tan Sri Richard Lind sendiri turun padang bagi melakukan pencarian batu yang sesuai. Tambah beliau lagi, apabila tiba di kampung tersebut Tan Sri Richard Lind mula menjelaskan maksud kedatangannya dan ciri-ciri batu yang diinginkan. Beliau mula bertanya kepada penduduk kampung jika ada sesiapa yang pernah ternampak atau tahu mengenai batu yang mempunyai ciri-ciri tersebut. Secara kebetulan, seorang pemuda terdengar apa yang disampaikan oleh pegawai daerah dan pemuda tersebut serta-merta mengatakan bahawa dia tahu akan kewujudan sebongkah batu yang persis seperti yang dicari. Mendengar akan hal itu, pegawai daerah mengeluarkan arahan untuk mencari lagi orang sebagai sumber tenaga tambahan untuk mengambil batu tersebut.

Tanpa melengahkan masa, pemuda pertama tadi mula mencari tiga individu lainnya dimana mereka juga merupakan penduduk kampung Senagang untuk mengambil sebongkah batu dari Sungai Mosolog yang berhampiran dengan Kampung Senagang di jalan Keningau-Tenom. Dalam penulisan sejarah sebelum ini, dinyatakan bahawa batu ini diambil dari Sungai Pegalan di Kampung Senagang. Namun menurut informan ketiga dan informan keempat, batu ini sememangnya diambil dari Sungai Mosolog dan lokasi tersebut semangnya berada tepat di bawah sebuah jambatan yang menghubungkan jalan dari Daerah Keningau ke Daerah Tenom. Selain itu, jika dilihat dari sudut Geografi, dapat dilihat bahawa sambungan Sungai Mosolog dengan anak Sungai Pegalan berada jauh dari sungai ini, tepatnya di Melalap, Tenom. Secara tidak langsung, perkara ini dapat menyangkal bahawa batu ini diambil di Sungai Pegalan. Selain itu, ini menunjukkan bahawa kenyataan salah seorang individu yang terlibat dengan proses pengambilan batu, adalah benar. Tambahan lagi, individu yang ditemu bual pada tahun 2018 lepas inilah yang mengharapkan agar penulisan semula sejarah mengenai Batu Sumpah Keningau dilakukan semula. Hal ini kerana, beliau melihat terdapat beberapa perkara yang tidak tepat namun turut dimasukkan ke dalam penulisan sejarah batu ini (Akhbar Malaysia Kini, 2018).


Sepanjang 55 tahun sejak proses pengambilan batu ini pada tahun 1962 sehingga tahun 2017, keempat-empat individu ini tidak pernah mendapat perhatian daripada mana-mana pihak. Walaupun begitu, pada September 2018, satu media tempatan telah membuat wawancara bersama dengan salah seorang individu yang terlibat dengan proses tersebut. Individu tersebut ialah Encik John Rijimin, berumur 77 tahun dan merupakan individu terakhir daripada empat orang yang masih hidup ketika itu. Dalam sesi wawancara tersebut, beliau ada mengatakan bahawa, mereka

sebenarnya tidak juga menginginkan pingat sebagai tanda penghargaan. Namun, cukuplah dengan usaha dan penat lelah mereka diingati sama seperti wira negara lain yang turut berjasa kepada negara.

Berbalik kepada proses pengambilan batu, kesemua informan bersetuju bahawa terdapat empat (4) orang yang terlibat dalam mengambil batu ini diketuai oleh Encik Ingui Bin Taik, Encik John Rajimin, Encik Sintan Bin Damatas dan Encik Yusef Bin Yabong. Menurut informan ketiga, pada masa itu mereka terpilih untuk melaksanakan tugas ini kerana mereka berempat dikatakan mempunyai kebiasaan untuk pergi memamah ikan di sungai. Secara kebetulan, salah seorang daripada mereka tahu bahawa terdapat sebuah batu yang sederhana panjang dan tidak terlalu tebal dan dikatakan bahawa batu tersebut menjadi lubang bagi ikan-ikan di sungai tersebut. Oleh itu, pemuda tersebut tadi mencadangkan kepada pegawai daerah untuk mengambil batu itu walaupun mereka tahu bahawa selepas ini mereka akan susah untuk memamah ikan. Bukan itu sahaja, pada masa itu juga hanya mereka berempat sahaja yang mempunyai fizikal badan yang sasah dan dilihat mampu untuk mengerjakan tugas tersebut. Sepanjang proses pengambilan batu tersebut, mereka berempat hanya menggunakan kekuatan fizikal semata-mata dan tidak dibantu oleh sebarang jentera berat. Jentera berat hanya digunakan ketika proses pemindahan batu dari Sungai Mosolog ke lokasi pertama.

Proses mengambil dan mendaratkan batu tersebut memakan masa hampir 2 minggu lamanya informan keempat. Tepat pada 2 November 1962, mereka berempat mula bertarung nyawa menggali dan mendaratkan batu tersebut yang dikatakan tertanam satu meter di dasar Sungai Mosolog (Akhbar Malaysia Kini, 2018). Mereka

dikatakan bertarung nyawa kerana sepanjang proses penggalian, berlaku banjir beberapa kali sehingga kerja-kerja penggalian sering terganggu selain mengalami cedera pada jari jemari. Setelah selesai proses penggalian, batu tersebut diseret ke tebing sungai secara manual dan mereka mampu menggerakkan sebanyak enam inci setiap jam. Batu itu kemudiannya dibawa ke lokasi pertama bagi upacara penanaman dan perasmian menggunakan sebuah lori. Lokasi pertama penanaman batu adalah di perkarangan Pejabat Daerah Keningau yang lama sebelum pejabat daerah berpindah lokasi ke sebelah Mahkamah Anak Negeri Daerah Keningau. Difahamkan bahawa, jentera dan kenderaan yang digunakan adalah milik Mr. Nip Kui Chiang yang merupakan pemilik Syarikat Pembinaan Jalanraya tempatan (dokumen pertama). Tambahan lagi, beliau merupakan satu-satunya individu yang mempunyai kelengkapan jentera pada masa tersebut. Pengambilan batu ini sememangnya dilakukan lebih awal dari tarikh perasmian bagi mengelakkan mereka terburu-buru dan memilih batu yang tidak sepatutnya. Selain itu, memberi peluang kepada kelancaran adat ritual yang dijalankan semasa perasmian ke atas batu ini.



Gambar 4.1: Perasmian Batu Sumpah Keningau oleh YB Tan Sri V.

Manickavasagam

Sumber: Internet



Gambar 4.2: Tun Fuad Stephen berucap semasa perasmian Batu Sumpah Keningau  
Sumber: Internet

Tepat pada 31 Ogos 1964 bersamaan dengan ulang tahun pertama kemerdekaan Sabah, Batu Sumpah Keningau telah dirasmikan oleh wakil Perdana Menteri, mendiang YB Tan Sri V. Manickavasagam yang menyandang jawatan sebagai Menteri Buruh Persekutuan. Perasmian ini turut dihadiri dan disaksikan oleh Ketua Menteri Sabah, Donald Stephens, Datuk G.S. Sundang sebagai Presiden Pasok Momogun, Yeap Kee Aik Setiusaha Persekutuan, Richard Lind Pegawai Daerah Keningau, OKK Sedomon, OKK Angian Andulag, pemimpin masyarakat, Ketua-ketua Anak Negeri, pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua kampung dan wakil-wakil kumpulan etnik di Sabah.

Berdasarkan analisis dokumen yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa monumen ini berukuran 1.5meter lebar di bahagian atas, 24 cm tebal dan tinggi 2meter mempunyai berat sekitar 2 ton. Namun, ciri khas yang terdapat pada monumen ini ialah berbentuk seolah-olah genggam tangan kiri dan ada juga yang



mengatakan bahawa ianya berbentuk seperti tapak kaki. Selain itu, sebuah platform juga dibina pada dasar batu sumpah yang berfungsi sebagai pelapik. Pada batu ini juga terdapat sebuah plak tembaga yang mengandungi 3 permintaan atau perjanjian utama dan janji sumpah rakyat Sabah kepada Persekutuan Malaysia. Berikut merupakan kandungan lengkap yang merangkumi perjanjian antara dua pihak yang terpahat pada plak Batu Sumpah Keningau.

*BATU SUMPAH PERINGATAN  
MENGIKUT PERLEMBAGAAN  
KERAJAAN MALAYSIA MENJAMIN  
1. UGAMA BEBAS DALAM SABAH.*

*2. TANAH2 DALAM SABAH DI-KUASA OLEH KERAJAAN SABAH.*

*3. ADAT ISTIADAT ANAK RAYAT SABAH DI-HORMATKAN DAN DIPELIHARA  
OLEH KERAJAAN*

*SABALEK PULA RAYAT2 SABAH DI-DALAM INTERIOR BERSUMPAH TA'AT SETIA  
KEPADA KERAJAAN MALAYSIA.*

Petikan 4.1: Janji-janji yang terpahat pada plag Batu Sumpah Keningau

Sumber: Plag asal Batu Sumpah Keningau

Petikan diatas merupakan janji yang terpahat pada plag Batu Sumpah Keningau. Melalui kajian dokumen, pengkaji mendapati bahawa ayat-ayat tersebut telah digubal oleh beberapa tokoh yang berpenagruh. Antara yang terlibat ialah pemimpin dari Parti Pertubuhan kebangsaan Kadazan Bersatu, Datuk Anthony Undan Andulag, Datuk Angian Andulag, Datuk Arif Salleh dan Chu Shin Kee selain wakil daripada pemimpin parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu iaitu Encik Arshad Abdul Rahim. Menariknya lagi, bersebelahan dengan batu sumpah ini terdapat sebuah lagi batu kecil yang ditanam dan dikenali sebagai 'Rikos'. Batu ini diambil dari Sungai Pegalan yang berdekatan dengan Kampung Dangulad, Keningau. Akhir sekali, semasa

perasmian ini berlangsung satu upacara tradisi juga dilakukan yang dikenali sebagai upacara ritual *Moningolig*.

#### 4.2.2 Isu Plag Batu Sumpah Keningau

Menyentuh mengenai plag batu sumpah, plak tersebut juga mempunyai peristiwanya yang tersendiri. Hal ini kerana, plag asal Batu Sumpah Keningau diyakini pernah hilang sehingga menyebabkan sebaris ayat pada plak tersebut juga ditiadakan. Sehingga kini, tidak ada sesiapa yang benar-benar pasti punca kehilangan plag sehingga ke hari ini. Oleh itu, semasa menjalankan temu bual, pengkaji telah mendapat dua versi data berkaitan dengan isu ini.

Versi pertama ialah, semasa awal pengambilan batu, sekeping plag logam yang mengandungi 3 perjanjian dan ikrar setia rakyat Sabah terhadap Persekutuan tersebut dikatakan disambung menggunakan kayu pada bahagian atas. Sambungan kayu tersebut terletak tepatnya pada ayat pertama dan kedua. Plag tersebut dibuat sedemikian kemungkinan kerana kekurangan dana. Selepas majlis perasmian Batu Sumpah Keningau, terdapat pihak yang berinisiatif untuk menghantar plag ini ke Singapura bagi menggantikan plag tersebut dengan plag jenis tembaga. Hal ini kerana, teknologi seperti itu hanya terdapat di Singapura pada waktu itu. Malangnya, semasa proses menulis semula ayat-ayat tersebut, pihak syarikat tersebut terlupa untuk menulis ulang sebaris ayat iaitu 'Kerajaan Malaysia Jamin'. Pihak yang menghantar plag tersebut semangnya mengambil maklum akan hal itu. Walaupun begitu, kekangan dana membantutkan hasrat mereka untuk membuat penambahbaikan pada plag baharu tersebut. Oleh sebab itu, plag tersebut dibiarkan begitu sahaja sehinggalah batu sumpah dipindahkan ke Pejabat Daerah Keningau yang baharu. Perkara ini tidak menjadi isu sehinggalah dengan kecanggihan teknologi, masyarakat mula 'perasan'

dan mempersoalkan keaslian plag batu sumpah.



Gambar 4.3: Keratan akhbar

Sumber: Kajian dokumen 2023

Manakala versi lain yang diperolehi oleh pengkaji ialah, pada tahun 2015 satu akhbar tempatan telah mengejutkan publik dengan berita isu plag batu sumpah yang dijumpai oleh seorang pemandu jentera berat. Peristiwa ini berlaku sekitar tahun 1990-an lagi. Beliau menyangkakan plag tersebut adalah kepingan tembaga biasa dan kemudian memutuskan untuk membawa pulang plag tersebut ke kediamannya. Plag tersebut disimpan dalam keadaan terbiar memandangkan beliau masih tidak mengetahui mengenai plag tersebut. Tambahan lagi, tidak ada yang bertanya mengenai plag tersebut semasa beliau membawa pulang ke kediamannya. Menurut beliau lagi, plag ini akhirnya diketahui oleh ahli DUN Bingkor melalui bekas Ketua Pemuda di Apin-Apin dan beliau mengamanahkan ahli DUN tersebut agar plag diserahkan kepada pegawai daerah atau ketua daerah. Kehilangan plag disebabkan oleh kerja pengubahsuaian yang diarahkan oleh pegawai daerah pada tahun 1990-an.

Tambahan lagi, pegawai daerah tidak begitu memperdulikan persekitaran batu sumpah dengan membina kolam. Pada masa itulah kontraktor yang melakukan kerja pengubahsuaian telah membuka plag lama dan menggantikan dengan plag baharu. Perkara ini hanya disedari selepas 14 tahun dari pemindahan lokasi batu sumpah yang pertama. Batu sumpah kekal di lokasi pertamanya sejak dirasmikan pada tahun 1964 sehingga tahun 1982. Setelah itu, plag batu sumpah telah diserahkan kepada Balai Polis Daerah Keningau bagi siasatan lanjut. Terkini, plag tersebut telah dipindahkan ke Balai Polis Kota Kinabalu (Informan kedua).



Gambar 4.4: Plag asal Batu Sumpah Keningau

Sumber: Internet

### 4.2.3 Pemindahan lokasi Batu Sumpah Keningau

Pada tahun 1982, batu ini telah dipindah lokasi ke depan Pejabat Daerah Keningau yang baharu. Hal ini berlaku disebabkan oleh kerja-kerja pelebaran jalan yang sedang rancak dijalankan pada tahun 1980-an. Pemindahan lokasi ini sememangnya telah mendapat bantahan daripada beberapa pihak termasuklah daripada pemimpin-pemimpin tempatan seperti Datuk J. A. Angian Andulag yang ketika itu bertugas sebagai Ketua Daerah Keningau (dokumen pertama). Beliau telah menulis surat mengenai perkara ini dan menyatakan alasan mengapa batu ini tidak

dipindah lokasi. Antara sebab yang dinyatakan didalam surat tersebut ialah, perpindahan lokasi batu sumpah akan menelan perbelanjaan yang agak banyak selain menyampaikan kegusaran pihak ketua kampung yang berpendapat bahawa nilai dan pengertian penuh tidak lagi mampu dihayati sepenuh hati oleh masyarakat jika dipindahkan kerana batu ini adalah jaminan keamanan rakyat Sabah.



Gambar 4.5: Batu Sumpah Keningau di lokasi pertama dengan plag lama.

Sumber: Buku *My Sabah: Reminiscences Of A Former State Secretary*

Surat ini juga disokong oleh YB Udin Dauliah yang memohon agar pihak pemaju mengambil ikhtiar bagi mengubah hala jalan 2 hala ke Bandar Keningau. Walaupun begitu, pada 25 Jun 1982, En. Chin V. Fong yang merupakan jurutera bahagian pedalaman telah membalas surat tersebut dan menyatakan bahawa pemindahan lokasi batu sumpah sememangnya tidak dapat dielakan. Hal ini disebabkan oleh reka bentuk dan jajaran jalan dua hala menuju ke Pekan Keningau amat sukar untuk diubah. Setelah itu, surat makluman telah dihantar kepada beberapa Kementerian dan YB di Daerah Keningau. Hal ini sudah pasti bagi berbincang

mengenai proses pemindahan dan merancang perkara-perkara yang perlu bagi memastikan proses pemindahan batu sumpah berjalan lancar. Pemindahan lokasi ini akhirnya mendapat persetujuan daripada beberapa pihak dan mereka bersetuju agar proses pemindahan dilakukan mengikut adat istiadat sepenuhnya. Pada 18 Julai 1985, Pengarah Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah telah menulis surat kepada Ketua Daerah Keningau menyatakan bahawa pihak beliau mengambil maklum mengenai pemindahan lokasi batu sumpah. Jabatan mereka juga meminta agar diberi beberapa maklumat kepada mereka bagi mengambil langkah-langkah pemuliharaan dan proses dokumentasi dapat dijalankan mengikut peruntukan Enakmen Barang-barang Kuno dan Harta Karun bil. 11 tahun 1977.



Gambar 4.6: Batu Sumpah Keningau di Pejabat Daerah Keningau

Sumber: Internet

Alasan utama mengapa batu sumpah ini dipindahkan ke hadapan bangunan Urusetia Daerah Keningau yang baharu adalah disebabkan oleh lokasi tersebut merupakan pusat pentadbiran daerah. Walaupun begitu, orang awam masih tidak dapat mengunjungi batu tersebut terutamanya pada hujung minggu, cuti umum atau cuti sekolah kerana tempat tersebut tidak akan beroperasi. Walhal, batu tersebut adalah salah satu tarikan pelancong di daerah ini. Selain itu, konsep yang digunakan bagi menarik perhatian pengunjung juga dilihat kurang bersesuaian. Terdapat taman

air mini yang dibina berdekatan dengan batu tersebut. Informan kedua menyatakan bahawa keadaan ini dilihat agak kurang bersesuaian kerana batu tersebut diletakkan di kawasan terbuka. Kesannya, taman air mini ini mampu mengaktifkan serangan agen perosak seperti pertumbuhan lumut pada batu. Oleh itu, pada tahun 2018, sekali lagi batu ini dipindah lokasi dari hadapan Pejabat Daerah Keningau ke tapak baharu di Muzium Warisan Keningau.

Proses pemindahan untuk kali kedua ini dijalankan dengan penuh teliti. Hal ini termasuklah dengan proses mencari lokasi yang bersesuaian dengan monumen tersebut, dana pemindahan dimana dana ini merangkumi penyewaan jentera, pembelian beberapa ekor korban, jamuan ringan dan beberapa perkara lagi. Melalui analisis dokumen yang dilakukan di Muzium Warisan Keningau, pengkaji mendapati bahawa pelbagai pihak bekerjasama bagi memastikan proses pemindahan batu sumpah ke lokasi baharu ini berjalan dengan lancar. Perkara ini dapat dilihat melalui minit-minit mesyuarat yang dilakukan beberapa kali bagi mencapai kesepakatan antara semua pihak. Bermula tahun 2018 sehingga kini, Batu Sumpah Keningau kekal berada di lokasi ketiga. Tapak baharu monumen ini berdekatan dengan Muzium Warisan Keningau dan Kompleks Sukan Keningau serta tidak begitu jauh dari lokasi pertama serta lokasi kedua dimana batu ini pernah ditempatkan. Oleh itu, semasa pemindahan ke lokasi ketiga ini, batu ini diarak dengan hampir seribu orang yang terdiri daripada pihak berkepentingan.

<b>Tahun</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Faktor pemindahan</b>	<b>Tempoh (tahun)</b>
1962-1982	Pejabat Daerah Keningau lama (terkini, tapak tersebut berada di bawah Hotel	Penaiktarafan jalan raya dua hala menuju ke Pekan Keningau.	18 tahun

	Perkasa Keningau).		
1982-2018	Pejabat Daerah Keningau (Bersebelahan dengan Mahkamah Anak Negeri Sabah)	Masa cuti atau lawatan yang bertentangan dengan cuti sekolah atau hujung minggu.	36 tahun
2018-kini	Muzium Warisan Keningau	Lokasi yang strategik dan bersebelahan dengan Muzium.	Memasuki tahun ke-5

Jadual 4.1: Perubahan lokasi Batu Sumpah Keningau, Sabah

Sumber: Pengkaji (berdasarkan pernyataan di atas)

Secara keseluruhannya, Batu Sumpah Keningau telah mengalami perpindahan lokasi sebanyak dua kali ke tiga tapak yang berbeza. Perkara ini jelas direkodkan dalam dua dokumen Batu Sumpah Keningau yang dipegang dan disimpan oleh pihak Muzium Warisan Keningau. Hal ini sekaligus mematahkan dakwaan pihak yang mengatakan bahawa batu ini pernah diletakkan di Tamu Ground Keningau. Menurut informan kedua, sememangnya terdapat batu sumpah yang terdapat di Tamu Ground Keningau namun ianya sama sekali berbeza dengan Batu Sumpah Keningau kerana tujuan dan ciri batu adalah berbeza. Hal ini dibuktikan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh (Jeunesse et al., 2016). Maka, jelaslah bahawa Batu Sumpah Keningau hanya mengalami perpindahan lokasi sebanyak dua kali sahaja.

Sebagai kesimpulan, monumen megalit ini sememangnya menyimpan seribu satu perjalanan sejarah dari tahun ke tahun. Masyarakat di pedalaman masih menyimpan rasa hormat yang begitu tinggi terhadap monumen tersebut sehingga ke hari ini dan



tidak kurang juga ada yang menganggap bahawa monumen ini merupakan batu sumpah yang 'hidup'. Kesemua informan bersetuju dimana selagi Negara Malaysia masih wujud, selagi itu janji yang terpahat pada batu sumpah masih sah dan akan terus dihormati. Hal ini kerana, segala janji yang terpahat bersangkutan paut dengan kepentingan dan keamanan rakyat di Sabah dan Sarawak.

#### **4.3 Nilai Budaya yang terkandung pada Batu Sumpah Keningau.**

Nilai budaya menjadi salah satu keunikan yang mampu membuatkan batu sumpah ini semakin menarik untuk dikaji. Nilai budaya mempunyai definisi yang pelbagai menurut sudut pandang seseorang ahli. Misalnya, menurut Kluckhohn dan Strodtbeck nilai budaya merupakan satu konsep abstrak yang menjadi dasar bagi keputusan dan tindakan seorang individu atau kumpulan dalam budaya tertentu. Tambah mereka lagi, terdapat lima orientasi nilai budaya dasar iaitu hubungan manusia dengan alam, waktu, orang lain, diri sendiri serta aktiviti seharian. Singkatnya, nilai budaya merupakan satu bentuk keyakinan, prinsip, dan norma yang dianut serta dijunjung tinggi oleh sesebuah kelompok masyarakat. Nilai-nilai ini seterusnya akan membentuk perilaku, interaksi sosial dan tahap kefahaman dalam satu-satu budaya. Uniknyanya, nilai budaya sangat bervariasi antara satu kumpulan masyarakat dengan kumpulan masyarakat lainnya dan perkara ini menjadikan sebuah kumpulan masyarakat mempunyai daya tarikan yang tersendiri.

Nilai budaya ini juga berkait rapat dengan kebudayaan megalitik. Kebudayaan megalit dimaksudkan dengan kebudayaan yang menghasilkan bangunan-bangunan atau bentuk-bentuk tertentu dari batu-batu besar. Terdapat 7 jenis megalit yang

dicatatkan iaitu menhir yang merujuk kepada batu tegak, dolmen iaitu batu meja tebal, kubur kepingan batu, arca batu, binaan bangunan batu, keranda batu dan kerusi batu (ensiklopedia am warisan dan budaya). Menurut Majid (1993) dalam kajian (Sieng et al., 2023) mengklasifikasikan bahawa batu megalitik atau menhir biasanya digunakan untuk memuja roh nenek moyang. Jumpaan tinggalan-tinggalan binaan megalit yang masih wujud hari ini, membuatkan para penyelidik mengakui bahawa kebudayaan megalit telah tersebar ke seluruh dunia (Lotfee, 2018). Di Malaysia, Sabah merupakan antara lokasi dimana kebudayaan megalit boleh dijumpai dalam pelbagai bentuk seperti penanda sempadan, batu peringatan, batu pelindung dan sebagainya (Sieng et al., 2023).

Masyarakat Borneo Utara khususnya, mempunyai amalan tradisi dan adat kepercayaan sejak dahulu lagi bahkan sebelum kedatangan fahaman agama. Malah, dalam kajian Enh & Jamaluddin (2020) ada menyatakan bahawa pihak British sendiri semasa zaman penjajahannya di *North Borneo* tidak mencampuri urusan berkaitan dengan hukum adat masyarakat tempatan. Bukan itu sahaja, Johnny et al. (2015) juga menyatakan bahawa semasa pihak BNBBCC melaksanakan undang-undang tanah, masyarakat tempatan telah menentang hal tersebut kerana bercanggah dengan amalan tradisi serta adat resam masyarakat Borneo Utara. Kedua-dua pernyataan ini cukup membuktikan bahawa masyarakat Borneo Utara mempunyai sistem adat istiadat yang tersendiri sejak dahulu lagi. Sistem adat istiadat ini masih digunakan sampai hari ini sehinggalah sistem ini dirasmikan dengan kewujudan Mahkamah Anak Negeri di Sabah. Walaupun begitu, selepas berlakunya penyebaran agama, kehidupan masyarakat di Sabah mulai berubah (Aratin & Rahman, 2022). Perkara ini menyebabkan terdapat beberapa adat tradisi yang telah ditinggalkan kerana dirasakan bertentangan dengan kepercayaan agama. Walaupun begitu, jika seseorang individu

itu telah melanggar atau menghina apa-apa jenis amalan tradisi, maka individu tersebut tetap akan dihukum (*sogit*) mengikut adat istiadat masyarakat tempatan. Dalam kajian ini, nilai budaya yang difokuskan ialah pelaksanaan upacara ke atas monumen tersebut termasuklah dengan pembacaan mantera serta haiwan yang digunakan sebagai korban.

#### 4.3.1 Ritual yang dijalankan pada Batu Sumpah Keningau

Menurut informan, upacara yang dilakukan ke atas batu sumpah ini merupakan permintaan daripada Datuk G. S. Sundang serta masyarakat pedalaman. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada ketika itu kepercayaan agama belum tersebar meluas terutamanya di kawasan pedalaman dan masyarakat di situ masih berpegang teguh terhadap amalan tradisi. Tambahan lagi, tahap pendidikan yang masih rendah namun telah didesak oleh keinginan untuk bebas dari cengkaman penjajah, mendorong mereka untuk semakin yakin melakukan upacara ini. Mereka percaya bahawa apa-apa sahaja yang dijalankan melalui perjanjian secara adat, maka bala dan malapetaka akan melanda kepada pihak yang memungkiri perjanjian tersebut. Selain itu, upacara ini juga dilakukan dengan tujuan mematerai janji yang telah terikat antara dua belah pihak. Melalui upacara ini, para pemimpin tempatan ketika itu berharap agar perjanjian tersebut diberi jaminan oleh pihak Persekutuan.

Berdasarkan kajian dokumen yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa upacara yang dijalankan ke atas Batu Sumpah Keningau bukan hanya satu tetapi terdapat tiga jenis upacara tradisi. Upacara yang pertama dikenali sebagai upacara *Mikorot*, upacara *Moningolig* dan upacara *Momosik*. Tujuan upacara *Mikorot*

dilakukan adalah bagi mengeratkan hubungan silahturahim antara dua bangsa atau keturunan secara sukarela samada hubungan persaudaraan atau taat setia. Aratin & Rahman (2022) menjelaskan bahawa hal tersebut boleh sahaja berlaku dengan hanya melakukan upacara tersebut tanpa harus mengadakan perkahwinan. Oleh itu, sesiapa sahaja yang mengikuti upacara tersebut sehingga selesai, maka mereka akan dianggap sebagai satu keluarga dan tidak dibenarkan berkhawin sesama mereka.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Aratin & Rahman (2022) ada menjelaskan mengenai upacara ini di mana terdapat dua kaedah yang boleh dilakukan bagi mengikat tali persaudaraan iaitu dengan meminum air kelapa yang telah dititiskan darah masing-masing atau dengan cara hanya bertukar pakaian sebagai simbolik kepada penerimaan antara kedua belah pihak. Namun, dikatakan bahawa jika dilakukan hanya dengan bertukar persalinan, maka sumpahannya agak sedikit longgar atau ikatan tersebut hanya bertahan sehingga 7 keturunan sahaja. Selepas bertukar pakaian atau meminum darah, *Bobolian* akan mula membaca *rinait* yang isinya berupa perjanjian disertai sumpahan yang menjadikan nasib malang atau nyawa seseorang menjadi taruhan. Dikatakan bahawa, semasa membaca *rinait*, *bobolian* akan berseru memanggil *Kinorohingan* (Sang Pencipta), semua roh termasuklah roh jahat yang berada di angkasa raya, di dalam perut bumi (dalam tanah), di atas permukaan bumi dan di dalam air atau mata air, untuk tampil menyaksikan upacara ini.

*Bobolian* dalam sumpahannya dengan bersaksikan semua roh yang telah diseruh, akan meminta kebenaran daripada *Kinorohingan* agar tidak menghalang para *Rogon* (syaitan) mendatangkan malapetaka atau mencabut nyawa mana-mana pihak yang tidak ikhlas dan dengan sengaja melepaskan tanggungjawab terhadap maksud

upacara ini. Oleh itu, sebagai persembahan kepada saksi-saksi ghaib beberapa ekor haiwan seperti *khinzir*, ayam dan kerbau aka disembelih sebagai korban. Seterusnya, darah dari kesemua haiwan korban tadi akan dikumpul dan dicurahkan sebagai tanda perjanjian tersebut telah termeterai pada sebuah batu *Pinitaruan*. Batu ini adalah penting bagi menandakan upacara tersebut benar-benar dilakukan. Setelah beberapa waktu, *bobolian* akan dipanggil semula bagi mengadakan upacara *Moningolig* yang tujuannya adalah lebih kepada memanggil semula saksi-saksi ghaib tersebut untuk diberikan persembahan darah binatang agar ‘mereka’ sentiasa menjaga dan menjalankan tugas mereka secara spiritual. Ikatan hubungan ini dikatakan tidak boleh dibubarkan tanpa adanya persetujuan daripada kedua belah pihak.

Bagi upacara yang kedua pula, ianya dikenali sebagai upacara *Moningolig*. Menurut informan kedua, perkataan *Moningolig* dalam bahasa Dusun ini telah diimbuhkan. Perkataan ini berasal dari kata *Tolig* yang bermaksud ‘dinding’. Ringkasnya, *Moningolig* boleh diertikan sebagai pendinding atau dinding yang baharu. Tambahnya lagi, upacara ini umpama mendirikan dinding baharu setelah dinding yang lama telah dilupakan dan dirobuhkan. Seperti proses pelaksanaan upacara yang pertama, upacara *Moningolig* juga akan melibatkan peranan *Bobolian* (dialek Liwan), *Rinait* dan haiwan sebagai korban (Rayner F. Udong, 2018).

Seterusnya, upacara *Momosik*. Upacara ini dijalankan bagi meminta izin daripada ‘semangat’ yang menjaga Batu Sumpah Keningau sebelum monumen ini dipindahkan ke tapak baharu. Masyarakat mempercayai bahawa tanpa meminta keizinan ‘mereka’, dikhuatiri akan ada malapetaka. Melalui kajian dokumentasi yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa upacara ini dijalankan pada proses

pemindahan tapak yang kedua iaitu pada tahun 2018. Ketika itu, upacara ini dikendalikan oleh ketua bobolian, Encik Alexsius Muri Gulim yang berasal dari Kg. Baru Bingkor Keningau.



Gambar 4.7: Upaca *Momosik*.

Sumber: Internet

Berdasarkan kepada catatan sejarah batu sumpah, upacara tradisi ini telah dilakukan beberapa kali bermula dari pemindahan ke lokasi baharu pada tahun 1984 sehinggalah pada tahun 2018 iaitu pemindahan lokasi dari Pejabat Daerah Keningau ke Muzium Warisan Keningau. Walaupun begitu, hanya pemindahan lokasi pada tahun 2018 sahaja yang mempunyai catatan perjalanan dan proses pemindahan yang ditulis serta dirakam secara jelas. Keadaan ini berbeza sekali dengan proses upacara yang pertama dan kedua mahupun mana-mana ritual yang pernah dijalankan ke atas Batu Sumpah Keningau. Tidak dapat dinafikan bahawa hal ini sememangnya berkait rapat dengan kecanggihan teknologi yang dimiliki pada masa sekarang berbanding dengan masa dahulu.

*Bobolian* atau juga dikenali sebagai *Bobohizan* merupakan nama panggilan seorang pawang tempatan bagi suku kaum Dusun. Panggilan ini berbeza mengikut suku kaum lain yang berada di Sabah. Misalnya, bagi suku kaum Murut, *Bobolian* akan dikenali dengan panggilan *babalian* dan *tantagas* dalam kalangan Dusun Lotud (Pugh-Kitingan, 2015). Bagi kepercayaan masyarakat setempat, *bobolian* memainkan peranan penting dalam apa sahaja jenis upacara tradisi. Sintang (2003) dalam kajiannya yang bertajuk Penganutan Agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah ada menyatakan bahawa *bobolian* amat diperlukan apabila komunikasi dua alam dilakukan. Hal ini bagi membantu masyarakat berkomunikasi dengan alam satunya lagi ketika mereka ditimpa krisis seperti penyakit kronik dan bencana alam. Dalam erti kata lain, jika hendak meminta pertolongan kepada *kinorohingan*, masyarakat perlu melalui *bobolian*.

Berdasarkan informasi yang diberikan oleh informan pertama, semasa pertama kali upacara tradisi ini dilakukan, terdapat kira-kira 5 sehingga 7 orang *bobolian* yang bertugas pada ketika itu. *Bobolian* tersebut terdiri daripada lelaki dan wanita dimana menurut informan pertama dan kedua, kesemua daripada mereka berasal daripada Daerah Keningau dan masing-masing mewakili suku kaum mereka sendiri. Antaranya ialah Dusun Kwijau, Murut dan lengkap dengan busana tradisi masing-masing. Manakala, upacara yang dilakukan pada tahun 2018 hanya dijalankan oleh seorang *bobolian* sahaja. Stuari ini sama seperti upacara-upacara lain yang diadakan terutamanya pada Hari Malaysia. Bilangan *bobolian* ini sangat memainkan peranan bergantung dengan jenis upacara tradisi yang dilakukan. Perkara yang sama juga dikatakan oleh informan pertama dimana beliau menjelaskan bahawa dunia moden

dan dunia *spiritual* sangat berbeza. Oleh itu, *bobolian* perlukan ‘sokongan’ banyak bagi memastikan upacara yang dijalankan dapat ditamatkan dengan lancar.

Ketika upacara tersebut berlangsung, semua suku kaum daripada daerah Tenom, Nabawan, Tambunan dan Pensiangan datang untuk menyaksikan hari penting ini secara langsung. Perkara ini dikatakan menjadi bukti kesatuan mereka bagi menghormati dan mempertahankan janji yang telah termeterai. Namun sayangnya, pengamal ritual dikatakan sebenarnya sudah semakin berkurangan. Salah satu alasannya ialah tidak ada pelapis yang mahu menggantikan posisi mereka. Situasi ini sememangnya berkait rapat dengan pegangan agama. Informan kedua juga ada berkongsi pengalaman beliau yang pernah berbincang mengenai perkara ini dengan seorang profesor di Universiti Malaysia Sabah iaitu Profesor Jackquelin Kitingan dimana professor tersebut mengatakan bahawa;

*“Benda tu patut ada penerus tapi malangnya apabila kita mewarisi agama orang tua kita, amalan tadi tu terpaksa ditinggalkan. Bayangkan kalau penjajah tidak pernah datang? Kita sebenarnya mempunyai pegangan agama sendiri. Walaupun perkara ini boleh dipertikaikan, tapi bila kita perhatikan bahawa asas kepercayaan itu juga bermula dengan percaya akan wujudnya sang pencipta. Namun, cara kita menggambarkan saja ada perbezaan.”* – Informan kedua.

Melalui petikan perbualan diatas, informan ingin menjelaskan bahawa amalan tradisi yang diamalkan sejak dahulu lagi juga merupakan satu bentuk kepercayaan masyarakat terhadap kewujudan sang pencipta. Namun begitu, bagaimana cara pengamal tersebut hendak memuja atau mengekspresikan adalah berbeza dengan mana-mana agama yang ada pada masa kini. Tambahnya lagi, jika penjajahan tidak



pernah berlaku, kemungkinan besar masyarakat Sabah mempunyai pegangan agama sendiri.

Menariknya lagi, informan kedua juga menjelaskan bahawa, terdapat sekumpulan masyarakat yang sedang giat mempelajari serba sedikit mengenai kepakaran *bobolian* dari segi perubahan tradisional, kebolehan berkomunikasi dengan leluhur dan beberapa kepakaran lagi. Namun dalam masa yang sama, mereka menyedari bahawa mereka tidak akan sampai ke tahap untuk menjadi seorang *bobolian*. Hal ini kerana, tugas *bobolian* selalunya akan diserahkan kepada pembantunya yang selalu mengikutinya atau menggantikan posisinya melakukan upacara jika *bobolian* sedang jatuh sakit atau mempunyai urusan lain yang tidak dapat dielakkan. Biasanya, pembantu *bobolian* adalah dari kalangan ahli keluarganya sendiri seperti anak, saudara, rakan atau penduduk sekampung (Sintan, 2012). Misalnya seperti Encik Andin Basinau iaitu cucu kepada *bobolian* Puan Gulim Adau (mendiang) yang berperanan sebagai penterjemah bahasa Dusun ke Bahasa Inggeris bagi membantu *bobolian*, berkomunikasi dengan pegawai-pegawai tinggi British sepanjang upacara pada tahun 1964 berlangsung (Akhbar Malaysia Kini, 2018).

Bukan itu sahaja, informan juga mengatakan bahawa terdapat persatuan NGO yang akan datang ke batu sumpah bagi memberi penghormatan. Misalnya pada Hari Malaysia, Hari Kemerdekaan atau pada bulan Mei. Perkara ini berlaku pada Mei 2022 dimana Batu Sumpah Keningau mendapat kunjungan hormat daripada sekumpulan orang asal Sarawak yang terdiri daripada 72 orang dimana 60 orang daripada mereka mengenakan pakaian tradisional 'sirat' yang sinonim dengan masyarakat Iban. Kunjungan mereka mendapat sambutan hangat daripada masyarakat di Daerah

Keningau ketika itu. Sebelum memulakan upacara, terdapat momen dimana ketua rombongan masyarakat orang asal Sarawak dan ketua yang mewakili masyarakat Sabah memakan garam dan saling mengucapkan selamat datang. Setelah itu, dilanjutkan dengan aktiviti seperti mendengar kembali sejarah pembentukan Malaysia dan banyak lagi.



Gambar 4.8: Orang asal Sarawak mengunjungi Batu Sumpah Keningau

Sumber: Akhbar *The Borneo Post*

Selain itu, terdapat juga upacara yang dilakukan oleh masyarakat pagan. Walaupun begitu, informan juga ada menjelaskan bahawa sebenarnya terdapat beberapa perkara yang perlu dan tidak perlu dilakukan di kawasan tapak batu sumpah. Misalnya seperti tidak boleh mengadakan apa-apa acara tetapi jika upacara tersebut melibatkan tradisi, muzium akan memberikan kebenaran dengan izin daripada Mahkamah Anak Negeri Daerah Keningau. Bukan itu sahaja, terdapat satu upacara *sogit* yang berlaku di Daerah Kota Marudu dimana seorang individu berbangsa

Pakistan memperlekehkan dan memperkecilkan adat istiadat masyarakat tempatan. Berikutan dengan hal itu, individu tersebut telah didenda di Mahkamah Anak Negeri dan telah membayar *sogit* dengan beberapa ekor kerbau. Seekor kerbau daripada beberapa ekor kerbau tersebut akan dikorbankan di batu sumpah manakala darah haiwan korban lain akan dibuang ke mana-mana laluan sungai. Melalui peristiwa-peristiwa ini, telah membuktikan bahawa apa yang tertulis pada batu sumpah mengenai adat istiadat masih dipelihara.

#### 4.3.2 *Rinait*

*Rinait* boleh diertikan sebagai satu bentuk puisi lisan. *Rinait* dapat diungkapkan secara berlagu mahupun dilafazkan dalam nada biasa. Perbezaan *rinait* dengan bentuk puisi-puisi lain masyarakat Kadazandusun ialah penggunaan bahasa dengan makna yang sangat mendalam, bahasa klasik, bermutu tinggi, bahasa murni, penggunaan istilah-istilah yang tidak difahami oleh kebanyakan masyarakat selain penggunaan bahasa mistikal. Perbezaan inilah akhirnya menjadi satu tugas yang berat untuk diterjemahkan kepada bahasa yang mudah untuk difahami (Sintan, 2012).

Melalui pembacaan yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa *rinait* adalah berbeza mengikut jenis upacara yang dijalankan. Misalnya seperti tujuan, ketahanan dan kekuatan, menyembuhkan penyakit, memujuk hati dan fikiran (*pugai*), menghidangkan roh manusia kepada roh jahat, tolak bala, pembukaan tanah, pembinaan rumah, *magavau*, *moningolig* dan sebagainya (Rayner F. Udong). Selain itu, kajian mengenai *rinait* yang digunakan dalam upacara *moningolig* masih belum banyak. Berikutan dengan itu, data yang diperolehi oleh pengkaji adalah melalui buku yang ditulis oleh Rayner F. Udong.



Gambar 4.9: Pembacaan rinait

Sumber: Internet

*Rinait* yang digunakan dalam upacara *moningolig* mempunyai unsur-unsur *Sundu / Lodun* (kuasa) yang dipohon daripada *kinorohingan* yang ada pada objek-objek alam semulajadi tertentu bagi tujuan ‘baik’ mahupun ‘jahat’. Antara objek atau bahan semulajadi yang diperlukan dalam proses *rinait moningolig* ialah *Tingolig* (*Tingobon*), *Tandus* (*Pondorog*), *Tapuu* (*Tabak*), *Tohun* (*Putong*), *Tupolo* (*Lampun*), *Ruhoi*, *Popodsu* (*Tuntug*), *Tinimung* (*Rinukut*), *Pulisok* (*Pungilob*), *Rondugus* (*Ronduvus*), ayam, khinzir, kerbau, sapi dan sebagainya.

Berikut merupakan *rinait* yang dilafazkan oleh *bobolian* semasa upacara *moningolig*:

“*Taruh pod Kinorohingan, Ladsau pod Kinopuunan*  
*Winalai do Minomorun, kinongkod do Minonginsor*  
*Iti oh koginsuan ku, iti kosoyungai ku,*  
*Mokianu oku do Sundu, murut oku do Lodun,*  
*Simbar ka do Minomorun, ampot ka di Minonginsor,*

*Asanang kama dino, awasi kama bohoi.*

*Kisundu oku do tumolugu, Kilodun oku tumantagas,*

*Nga lohohon podi ih miyon id tinanku, lahaton poh ih mogun hiti id diri ku,*

*Ih miyon do pogudanan, ih mogun do pogusakan.*

*Miyon do sogindai, mogun do sagawoi,*

*Lohohon ku ikoyu, lahaton ku ..*

*Tuu maan ku ikoyu poigomo do tingolig, potudungon ku do sogindai,*

*Potoluguan ku do Sundu, patantagason ku do Lodun,*

*Sundu do mongumpuya, lodun do mongingintong*

*Mongompuya do katanaan, mongingintong do kotalunan,*

*Mongumpuya do Adat Piadat, mongintong do Tinaruh*

*Onuon kito piintutunan,*

*Puruton kito pimpulanuan,*

*Onuont oh pitoluadan.*

*Nung sumondili ko do do lumpatod, sumampapau ko no do humpongo,*

*Nung mamaraag kod katanaan, Momohuyas ko do kotalunan,*

*Mamabak koh piuludan, momolingob koh do tinaru,*

*Kousui ko no di tinimung, koompi ko no di rinukut,*

*Oluwus kou, owusung kou,*

*Kotulahan lah,*

*Akanon kou dilo moyon diti Sogindai, mogun dilo sagawoi,*

*Miyon diti tingolig, ati narangkai.”*

“Dengan nama Tuhan, atas nama Pencipta,

Rumah Pencipta, kediaman penentu,

Saya memanggil, saya menyeru,  
Saya pohon kuasa, saya meminta keajaiban,  
Jawab Sang Pencipta, sahut sang penentu,  
Senanglah kamu, baiklah kamu.

Kuasaku masuk dalam mu, keajaiban ku tinggalkan dalam mu,  
Tapi, saya panggil dahulu yang tinggal dalam tubuhku, saya jemput dahulu  
yang ada dalam diriku,  
Yang tinggal di hulu sungai, yang diam di mata air,  
Tinggal dalam batu di darat, yang diam dalam batu di air,  
Saya panggil semuanya, saya jemput sekalian,  
Kerana aku dudukan kamu di dalam batu pelindung, saya tempatkan  
di dalam batu disumpah,  
Saya masukkan kuasa, saya penuhkan keajaiban,  
Kuasa melindungi, keajaiban mengawasi,  
Melindungi tanah, mengawasi hutan,  
Melindungi adat istiadat, mengawasi manusia.

Marilah kita ambil perkenalan,  
Kita pilih pengetahuan,  
Kita ambil untuk sahabatan.  
Tetapi, jika sesiapa melepasi sumpah, melanggar perjanjian,  
Jika memusnahkan tanah, membongkar hutan,  
Memecahbelahkan perpaduan, menipu rakyat,  
Nescaya mereka seperti yang dikumpul, seumpama yang dihimpun,  
Mati perlahan-lahanlah,

Menjadi sajian mereka yang tinggal di dalam batu bersumpah, makanan mereka yang diam dalam batu perjanjian,  
Yang tinggal di dalam batu pelindung, yang dilindungi”

#### 4.3.3 Haiwan korban

Korban binatang merupakan syarat wajib yang perlu disediakan sebelum memulakan upacara. Syarat ini wajib dipatuhi kerana korban haiwan dianggap sebagai persembahan kepada saksi-saksi ghaib semasa upacara tersebut berlangsung. Setelah melakukan kajian dokumentasi, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua peristiwa yang dicatatkan jumlah haiwan yang dikorbankan iaitu sebelum perasmian Batu Sumpah Keningau dan semasa proses pemindahan batu sumpah ke Muzium Warisan Keningau.

Pada 31 Ogos 1963, iaitu tepat setahun sebelum Batu Sumpah Keningau dirasmikan, satu upacara sebagai tanda perletakan batu sumpah sebagai monumen penting sempena penubuhan Negara Malaysia telah diadakan. Upacara ini dijalankan di hadapan Pejabat Daerah Keningau lama yang terletak di hadapan Hospital Lama Keningau (Akhbar Utusan Borneo, 2018). Antara haiwan yang dikorban ialah kerbau jantan, khinzir, ayam putih masing-masing 7 ekor dikorbankan bagi penuhi upacara persumpahan. Manakala, pada 9 September 2018, batu sumpah telah dipindah mengikut adat dan sebanyak 21 haiwan ternakan termasuklah kerbau jantan, ayam putih yang dikorbankan.



Gambar 4.10: Kepala 3 jenis haiwan korban

Sumber: Internet

Melalui upacara yang dilakukan sebanyak dua kali ini, pengkaji mendapati bahawa perbezaan jumlah haiwan dalam kedua-dua upacara ini tidak akan memberi apa-apa kesan. Namun, jumlah setiap jenis haiwan dalam satu-satu upacara haruslah sama banyak. Misalnya, jika terdapat 21 ekor haiwan korban, bermakna haiwan tersebut terdiri daripada 7 ekor kerbau, 7 ekor khinzir dan 7 ekor ayam. Hal ini kerana, kepala setiap jenis haiwan tersebut akan dikumpulkan menjadi satu kelompok dan ditanam bersama di bawah Batu Sumpah Keningau. Sebelum itu, darah haiwan korban tersebut akan dicalit atau direnjis pada batu sumpah juga batu *rikos* yang bersebelahan pada batu sumpah. Informan kedua ada menjelaskan bahawa, haiwan yang akan dikorbankan tidak akan kurang daripada 7 ekor kerana signifikan dengan bilangan hari dalam seminggu.





Gambar 4.11: Darah haiwan korban dicalit pada Batu Sumpah Keningau

Sumber: Internet

Melalui analisis pada objektif dua ini, perkara yang dapat disimpulkan ialah peranan bobolian sangat berpengaruh dalam kehidupan masyarakat di Sabah terutamanya dalam hal yang melibatkan komunikasi antara dua alam. Hal ini sama seperti proses pemindahan lokasi Batu Sumpah Keningau ke beberapa buah tapak. Proses adat harus dilakukan setiap kali terdapat aktiviti yang berkaitan dengan monumen ini kerana perkara ini telah dimulakan dengan upacara adat. Sebarang kegagalan dalam melaksanakan upacara adat akan memberikan kesan buruk. Hal ini kerana, perjanjian yang telah termeterai bukan sahaja melibatkan dua buah pihak namun juga melibatkan pihak di alam lain. Bukan itu sahaja, melalui objektif kedua ini juga, dapat dilihat bahawa seorang bobolian dalam mengendalikan upacara adat akan berkait rapat dengan *rinait* serta haiwan korban. Dimana, *rinait* dan haiwan korban adalah berbeza mengikut jenis upacara yang dijalankan. Akhir sekali, dalam proses pemindahan monumen ini, dapat diketahui bahawa terdapat lebih dari satu jenis upacara yang dilakukan.

#### **4.4 Merangka langkah-langkah pengurusan yang digunakan dalam memelihara Batu Sumpah Keningau.**

Warisan ketara merupakan satu benda atau objek yang boleh dilihat atau disentuh dan berada diam pada satu tempat atau dapat dipindahkan. Sebagai contoh, seperti bangunan, tapak dan monumen bersejarah (Tugiman, 2016). Bagaimana hendak mengenalpasti objek tersebut merupakan objek warisan? Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), objek yang boleh dikategorikan sebagai objek warisan ketara adalah objek yang telah diisytiharkan di bawah Seksyen 49 atau telah didaftarkan pada Seksyen 51 sebagai objek warisan. Perbincangan dalam objektif 1 dan objektif 2 telah cukup membuktikan bahawa Batu Sumpah Keningau merupakan satu tugu peringatan atau monumen warisan. Kandungan sejarah yang padat ditambah lagi dengan keunikan nilai budaya menjadikan tugu ini layak untuk diwartakan sebagai satu objek warisan budaya pada peringkat negeri mahupun negara. Usaha ini sekaligus mampu mengelakkan isu-isu seperti yang pernah berlaku keatas monumen atau mungkin isu lain terulang lagi. Oleh itu, kerja-kerja pemeliharaan adalah langkah yang harus dilakukan bagi memastikan objek warisan ini sentiasa terpelihara sama ada dari segi fizikal mahupun nilai budaya yang terkandung di dalamnya.

Bagi memastikan kerja-kerja pemeliharaan dapat dijalankan dengan baik, satu bentuk pengurusan warisan sangat diperlukan. Pewartaan merupakan satu bentuk perlindungan yang diberikan melalui pelan pengurusan warisan. Pengurusan warisan secara terancang telahpun dimulakan sejak tahun 1974. Pengurusan warisan yang dimaksudkan ini termasuklah dari aspek pemeliharaan, perlindungan dan konservasi warisan budaya (Ugong, Bala & Basrah Bee, 2018). Selain itu, pengurusan warisan juga dibantu dengan pelbagai perundangan warisan seperti akta, enakmen dan garis

panduan bagi memastikan pelan pengurusan warisan yang dihasilkan dapat memenuhi kriteria yang diperlukan. Akta Warisan Kebangsaan 2005, Enakmen Warisan Penang 2011 (Enakmen 14), Ordinan Warisan Sarawak 2019 (Bahagian 77) dan Enakmen Warisan Negeri Sabah 2017 (No.7) antara perundangan warisan yang boleh dirujuk dalam kerja-kerja pemeliharaan. Namun begitu, setiap perundangan warisan atau garis panduan yang dirujuk mempunyai kerelevanan yang lebih signifikan terhadap tempat atau kawasan masing-masing. Tambahan lagi, Arpin et al. (2022) dalam kajiannya ada menyatakan bahawa setiap pelan pengurusan yang dihasilkan adalah berbeza mengikut kerja-kerja pemeliharaan yang dijalankan terhadap satu-satu objek warisan. Kesimpulannya, pengurusan warisan yang sistematik mampu memberikan kesan positif terhadap kerja-kerja pemeliharaan. Selain itu, pelan pengurusan yang dihasilkan haruslah mengambil kira objek yang hendak dipelihara dan perundangan yang digunakan.

#### **4.4.1 Kerja pemeliharaan yang dijalankan oleh pihak berkepentingan**

Dalam proses pemeliharaan ini, peranan pihak berkepentingan seperti pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan sangat diperlukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui pihak-pihak ini pelestarian dan pengurusan warisan mampu dikembangkan dengan baik. Selain itu, mampu memantapkan pelaksanaan undang-undang bagi melindungi warisan dan dalam masa yang sama mendorong masyarakat untuk bertanggungjawab terhadap warisan budaya. Hal ini kerana, apabila sesebuah objek atau tapak warisan masih belum diwartakan maka risiko masalah atau kerosakan berlaku. Perkara ini disebabkan oleh masyarakat yang menganggap objek tersebut tidak terikat dengan mana-mana undang-undang. Manakala, masyarakat tempatan juga seharusnya turut serta dalam apa-apa aktiviti pelestarian warisan. Usaha ini mampu

mewujudkan rasa bertanggungjawab terhadap kebudayaan sendiri dan memupuk rasa hormat dalam kalangan pengunjung luar. Intinya, kerjasama yang baik dari kedua belah pihak ini amatlah diperlukan kerana jika tidak, keberkesanan dalam menjaga dan melindungi warisan secara meluas pasti akan lebih sukar dilakukan (Daeng Jamal & Ramli, 2021).

Informan kelima dalam sesi temubual mengatakan bahawa, proses pemeliharaan Batu Sumpah Keningau sepatutnya berlaku sejak dahulu lagi. Namun begitu, proses pendokumentasian yang agak terhad ketika perasmian dan pemindahan monumen ke lokasi kedua telah membantutkan usaha pihak berkepentingan. Oleh itu, kerja pemeliharaan bagi tujuan pewartaan baru dilakukan semula pada tahun 2018. Tambahnya lagi, pewartaan batu sumpah sememangnya sedang berada dalam proses dimana pendokumentasian, penyukatan dan lain-lain telahpun dilakukan. Selain itu, perkara lain yang mengendalakan proses ini ialah pembentangan pada Majlis Warisan. Informan menerangkan lagi bahawa, pembentangan tidak dapat dilakukan pada tahun 2023 kerana Majlis Warisan akan berubah pada setiap tahun. Jabatan Muzium Sabah harus menunggu sehingga lantikan Majlis Warisan baharu ditubuhkan, barulah pembentangan boleh dilakukan. Hal ini bermakna, Batu Sumpah Keningau dijangkakan akan diwartakan pada tahun 2024.

Melalui informan pertama, isu kehilangan plag asal yang menyebabkan kehilangan sebaris ayat merupakan satu isu yang perlu diambil serius. Hal ini kerana, kehilangan sebaris ayat pada plag perjanjian tersebut mampu membuatkan segala perjanjian yang terpahat, dipersoalkan oleh sesiapa sahaja. Oleh hal yang demikian, informan kedua telah menjelaskan bahawa pihak muzium telah mengambil inisiatif

untuk membuat semula plag Batu Sumpah Keningau. Plag baharu yang dibuat ini adalah untuk mengembalikan semula kandungan ayat yang hilang. Selain itu, saiz plag, jenis dan saiz font juga kandungan perjanjian lainnya adalah sama dan tidak ada perubahan lainnya.

Walaupun telah berpindah tapak, Batu Sumpah Keningau diusulkan akan diwartakan sebagai Tapak Warisan. Hal ini disebabkan oleh tapak terkini batu sumpah mempunyai nilai sejarah yang tersendiri. Tapak tersebut dikenali sebagai Taman Tun Mahathir sempena nama Perdana Menteri keempat dan ketujuh iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada tapak taman ini juga, terdapat sebuah rumah rehat OKK Sodomon yang pernah dihuni oleh orang-orang penting dalam kerajaan pada zaman dahulu. Tapak ini dahulunya merupakan taman terbuka bagi orang awam beriadah. Namun, lama-kelamaan taman tersebut seperti tidak menjadi tumpuan orang awam lagi. Tambahan lagi, jarak Kompleks Sukan Keningau juga tidak begitu jauh dari taman ini. Kini, apabila monumen ini telah diletakkan di tapak ini, pihak muzium memutuskan untuk mengusulkan cadangan Batu Sumpah Keningau diwartakan sebagai Tapak Warisan.



Gambar 4.12: Batu Sumpah Keningau di lokasi pertama  
Sumber: Kajian *The Ngorek of the Central Higlands and*



Gambar 4.13: Batu Sumpah Keningau di lokasi kedua  
Sumber: Berita Harian 2018

Perbincangan mengenai sejarah Batu Sumpah Keningau pada objektif 1 menunjukkan bahawa monumen ini telah berpindah tapak sebanyak dua kali dan secara keseluruhannya, batu sumpah ini pernah diletakkan pada 3 tapak yang berbeza. Haikal Apandi & Mat Redzuan (2022) dalam kajian mereka ada menyatakan pendapat bahawa monumen yang masih wujud sehingga ke hari ini pastinya telah mengalami beberapa kerosakan, bergantung kepada jenis bahan binaan monumen. Selain itu, monumen ini juga boleh mengalami kerosakan melalui serangan kerosakan yang disebabkan oleh faktor cuaca. Merujuk kepada gambar di atas, kelihatan batu sumpah sememangnya diletakkan pada satu kawasan yang terbuka tanpa adanya tempat teduh dari dahulu lagi. Tambahan lagi, batu sumpah pernah dijadikan seperti taman air mini yang memungkinkan monumen ini mengalami serangan lumut seperti dalam gambar 4.13. Namun, melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap batu sumpah, pengkaji mendapati bahawa tidak ada kerosakan teruk yang berlaku ke atas monumen ini. Informan pertama, kedua dan kelima juga menyatakan perkara yang sama. Hal ini bermakna kerja-kerja konservasi terhadap batu sumpah sememangnya dijalankan secara konsisten.



Gambar 4.14: Proses mengangkat Batu Sumpah Keningau dari lokasi kedua ke lokasi ketiga

Sumber: Internet.

Bukan itu sahaja, informan kelima juga ada menjelaskan mengapa pihak mereka tidak menerima sebarang laporan mengenai kerosakan atau tanda-tanda kerosakan lagi walaupun batu ini telah dipindahkan lebih dari sekali. Setiap proses yang dilakukan semasa pemindahan batu sumpah sememangnya akan mengambil kira risiko sekiranya berlakunya kerosakan akibat kecuaiian. Oleh hal yang demikian, pihak muzium meletakkan keselamatan batu sumpah sebagai keutamaan mereka sebelum, semasa dan selepas batu dipindahkan. Berdasarkan gambar di atas, sebelum batu tersebut dikorek dan diangkat menggunakan kren, badan batu Sumpah Keningau dan Batu *Rikos* telah dibungkus menggunakan karung dan kain, setelah itu ditambah dengan plastik pembungkus sehingga benar-benar tebal. Tindakan ini diambil bagi mengelakkan batu tersebut tercalar semasa proses mengangkat ke atas lori dan menurunkan ke lokasi baharu. Bukan itu sahaja, mata kren juga dibalut dengan kain dan karung untuk mengelak daripada terkena pada batu. Setelah memastikan batu telah dibalut dengan sempurna, barulah batu dikorek bersama dengan bahagian lantai yang telah disimen. Informan tersebut juga menyaksikan sendiri dan turut memantau segala gerak kerja yang dilakukan sehingga tiada kelalaian yang berlaku semasa pemindahan pada tahun 2018.

Melalui kajian dokumen, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa fasa mesyuarat dilakukan oleh beberapa pihak dalam rangka menyusun dan melihat gerak kerja yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor beberapa bulan sebelum pemindahan monumen. Pada fasa pertama, perbincangan lebih tertumpu kepada kerja yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor pada tapak baharu di Muzium Warisan Keningau. Antara kerja yang dilaporkan ialah pengorekan parit parameter dan dasar parit yang telah disimen. Di samping itu, mesyuarat turut membincangkan kerja-kerja yang

tergendala juga mencadangkan perubahan gerak kerja.




Gambar 4.15: Proses kerja pemindahan batu sumpah  
Sumber: Internet

Muzium Warisan Keningau telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan setelah proses pemindahan monumen selesai. Namun, setakat ini pelan pengurusan yang khusus belum diwujudkan. Walaupun begitu, pemeriksaan berkala tetap dijalankan mengikut keperluan. Jika terdapat sebarang aktiviti yang melibatkan batu sumpah, laporan akan diberikan kepada Muzium Sabah terutamanya bahagian konservasi. Setakat ini, pihak muzium hanya mengenalpasti keadaan tanah yang semakin termendap tepat dimana batu sumpah diletakkan. Oleh itu, informan menyatakan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan akan dilakukan bagi mengelakkan keadaan tanah itu memberi kesan buruk terhadap batu. Bukan itu sahaja, lokasi tersebut juga sedang rancak dijalankan pembangunan bagi menambah infrastruktur yang akan memberikan manfaat kepada pengunjung mahupun pihak muzium sendiri. Antara kemudahan atau infrastruktur yang hampir siap ialah pondok tiket, tempat letak kenderaan, kantin dan sebuah tembok memorial yang berada di belakang Batu Sumpah Keningau. Kerja-kerja penaiktarafan lokasi terkini dijangkakan akan siap pada tahun ini. Konsep yang akan ditonjolkan adalah berkaitan



sejarah monumen itu sendiri. Oleh itu, tembok yang berada di belakang monumen akan nada penceritaan ringkas mengenai sejarah batu sumpah.



Gambar 4.16: Tembok di belakang batu sumpah.

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Gambar 4.17: Kaunter tiket & kantin

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Gambar 4.18: Kawasan lapang  
Sumber: Kajian Lapangan 2023

#### 4.4.2 Cadangan kaedah pengurusan

Cadangan kaedah pengurusan adalah berdasarkan pemerhatian, temubual dan kajian dokumen yang dijalankan oleh pengkaji ke atas Batu Sumpah Keningau. Cadangan pengurusan ini merangkumi dua aspek iaitu aspek ketara dan tidak ketara monumen tersebut. Hal ini kerana, kedua-dua aspek tersebut mempunyai nilai kepentingan tersendiri yang harus tetap dipelihara dan dikekalkan. Melalui dapatan yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai punca yang menyebabkan pengurusan warisan terhadap monumen ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Misalnya seperti kecanggihan teknologi. Kecanggihan teknologi telah mempengaruhi jumlah dokumentasi secara visual yang sepatutnya diambil pada peristiwa-peristiwa penting. Hal ini yang telah memperlambatkan usaha pihak berkepentingan dalam mewartakan Batu Sumpah Keningau. Oleh sebab itu, mereka memerlukan jangka masa yang panjang untuk mula mengumpul dan menganalisis semula dokumen yang masih disimpan dengan baik.

Selain itu, kurangnya perancangan dan polisi. Perkara ini juga mampu menjadi punca mengapa pengurusan batu sumpah ini boleh dikatakan agak perlahan. Menurut kajian yang dijalankan oleh (N. I. Ramli, 2022), pengurusan tinggalan warisan di Malaysia boleh dikatakan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Kurangnya perancangan dalam jangka panjang dan polisi yang kukuh dalam pengurusan warisan dapat mengakibatkan kegagalan dalam pemeliharaan dan penggunaan yang efektif. Rentetan daripada itu, satu peristiwa telah berlaku dimana, plag asal batu sumpah diyakini telah hilang dan menyebabkan sebaris ayat pada plag asal itu turut dihilangkan. Isu ini telah menjadi satu isu yang panas ketika itu sehingga melibatkan pihak polis.

Akhir sekali, walaupun pihak mereka sedang dalam usaha untuk mewartakan monumen ini, namun menurut informan kelima, penyediaan satu dokumen khas bagi pelan pengurusan monumen ini masih belum diwujudkan. Jika merujuk kepada akta, enakmen atau mana-mana garis panduan, penyediaan dokumen ini adalah penting bagi menentukan kerja-kerja konservasi yang perlu dilakukan terhadap sesuatu objek warisan yang hendak dipelihara. Selain menjadi satu bentuk perlindungan kepada objek warisan secara undang-undang, pelan pengurusan juga mampu menjadi bukti semasa mengenai apa sahaja kerja konservasi yang telah dijalankan ke atas monumen ini. Tambahan lagi, melalui dokumen ini juga mampu memberikan gambaran kepada pembaca atau pengkaji akan datang memahami keadaan batu sumpah yang telah berusia ini. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan mencadangkan beberapa perkara dalam pengurusan pemeliharaan Batu Sumpah Keningau. Bukan itu sahaja, cadangan ini juga boleh dipertimbangkan dalam membantu pihak berwajib menjalankan kerja-kerja pemuliharaan.

Memandangkan dokumen khas pemeliharaan monumen ini masih belum diwujudkan, maka rekod bagi setiap kerja-kerja konservasi yang dijalankan juga tidak dapat diketahui dari dahulu sehinggalah ke hari ini. Hal ini bermakna, jarak tempoh masa yang diambil untuk kerja konservasi secara berkala dan jenis konservasi yang telah dijalankan juga tidak dapat dipastikan. Persoalannya, adakah konservasi yang dijalankan bersesuaian dengan keadaan monumen dan mengikuti prosedur yang betul? Selain itu, berdasarkan pandangan Doehne & Price (2010) pereputan batu boleh berlaku dalam pelbagai cara dan bentuk. Monumen batu boleh sahaja reput secara perlahan atau sekaligus. Kadangkala, batu juga terlihat begitu sempurna tanpa ada sebarang kerosakan, namun di sebalik permukaannya batu tersebut sedang kehilangan kohesinya secara perlahan. Justeru itu, dalam perbincangan ini pengkaji akan membincangkan beberapa jenis kerosakan yang biasa terjadi pada monumen batu.

Cadangan pertama, menjalankan konservasi fizikal secara berkala keatas Batu Sumpah Keningau. Melalui penelitian pengkaji terhadap beberapa kajian lepas yang ada membincangkan mengenai konservasi monumen batu, mengatakan bahawa monumen tersebut boleh sahaja mengalami serangan kerosakan yang disebabkan oleh beberapa faktor. Tamsilnya, keretakan, faktor cuaca, jenis batu itu sendiri dan banyak lagi (Swastikawati et al., 2014). Setiap satu jenis kerosakan harus ditangani dengan kaedah yang berbeza dan bersesuaian dengan tahap kerosakan. Antara konservasi yang boleh dilakukan ialah konservasi preventif dan konservasi kuratif (Masnauli.M, 2013). Konservasi preventif merupakan satu tindakan pencegahan yang dilakukan bagi menghalang pelapukan semulajadi yang disebabkan oleh keadaan persekitaran. Misalnya, kelembapan, pencemaran udara, cahaya dan perosak seperti serangga dan fungus. Menurut penulisan Septiani Emdrawati (2020) dalam artikel yang bertajuk

Membedah Metode Konservasi Cagar Budaya, konservasi preventif terbahagi kepada penyelenggaraan secara rutin dan kawalan persekitaran secara mikro ataupun makro.



Rajah 4.5: Konservasi preventif yang dijalankan ke atas monumen batu.

Sumber: Pengkaji berdasarkan penerangan diatas.

Manakala konservasi kuratif pula merupakan satu tindakan yang boleh diambil bagi mengehentikan atau melambatkan proses deteriosasi ke atas objek. Berikut merupakan jadual antara jenis kerosakan dan tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku serangan kerosakan ke atas Batu Sumpah Keningau.

Jenis kerosakan	Punca
Keretakan	Faktor cuaca dimana keadaan yang berlaku berulang kali akan menyebabkan ikatan mineral atau butiran penyusunan batuan melemah dan lepas sehingga menyebabkan keretakan.

Jadual 4.2: Jenis kerosakan

Sumber: Pengkaji berdasarkan huraian dibawah

Jadual diatas menerangkan punca kerosakan yang boleh menyebabkan keretakan pada monumen batu. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Swastikawati et al. (2014), keretakan pada monumen batu boleh dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu keretakan mikro dan makro. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat perbezaan cara yang digunakan dalam merawat keretakan tersebut. Bagi keretakan mikro, celah retakan akan diisi dengan bahan pengisi seperti serbuk batu yang ditambah dengan bahan lain yang bersifat mengikat butiran batu dan ditambah dengan etil silica. Selain itu, komposisi percampuran ini haruslah diteliti dengan lebih lanjut agar sifat dan warna tidak berbeza dengan batu.

Jenis kerosakan	Punca
Pertumbuhan organisme	Faktor cuaca. Pada musim hujan, tumbuh lebat. Manakala ketika musim kemarau, menggelupas.

Jadual 4.3: Jenis kerosakan

Sumber: Pengkaji berdasarkan huraian dibawah

Berdasarkan jadual di atas, dapat diketahui bahawa pertumbuhn organisme seperti alga hijau. Namun menurut Swastikawati et al., (2014), alga boleh sahaja berubah warna kepada kemerahan seperti trentepohlia, kuning ke coklat (diatom) dan beberapa lagi. Selain itu, terdapat juga organisme jenis lichen yang kebiasaannya tumbuh baik pada persekitaran dan keadaan udara yang bersih. Namun disebabkan oleh oksida nitrogen membuatkan lichen mampu.. Moss dikatakan hanya tumbuh dalam kuantiti yang sedikit. Walaupun begitu, organisme ini sangat bahaya kerana mampu menyebabkan berlakunya perubahan mineral batuan menjadi tanah. Selain itu, Moss juga mampu memberikan kesan kerosakan yang lebih besar berbanding alga dan lichen. Bagi merawat serangan kerosakan jenis ini, diperlukan bahan kimia seperti

Biocide yang akan dicampur dengan bahan aktif. Biocide seharusnya mampu tetap terhadap air hujan dan sinar ultraviolet selain selamat untuk individu yang mengaplikasikannya serta persekitaran.

Selain itu, konservasi kuratif boleh terbahagi kepada rawatan menggunakan kaedah mekanikal dan secara moden. Kaedah mekanikal disini bermaksud menggunakan bahan dan peralatan tradisional dalam kerja-kerja pemuliharaan. Menurut kajian Hassane et al. (2022) dalam kajiannya menjelaskan bahawa, pembersihan secara mekanikal merupakan langkah pertama yang perlu diambil dalam pembersihan objek yang meliputi kaedah pembersihan secara kering mahupun basah. Manakala, kaedah moden melibatkan penggunaan bahan kimia dan biasanya digunakan bagi menghilangkan kerosakan atau kotoran degil. Misalnya, seperti kesan minyak dan cat serta digunakan untuk mematikan jasad organik seperti lumut, alga yang mana tidak dapat dihilangkan semasa pembersihan sebelumnya. Bukan itu sahaja, kaedah ini juga digunakan bagi konsolidasi, pengawetan, pembaikan dan pengolesan lapisan kedap air. Misalnya seperti berikut:

Bil.	Kaedah pembersihan	Tatacara
1.	Pembersihan	<p style="text-align: center;"><u>A.Mekanikal</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Secara kering.</li> <li>• Bahagian yang ditumbuhi lumut, alga dll.</li> <li>• Diberus menggunakan berus lembut secara perlahan dan merata sehingga semua kotoran dan lumut yang melekat hilang.</li> <li>• Diteruskan dengan pembersihan basah dengan menyiram semua bahagian yang telah dibersihkan.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><u>B. Moden</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilakukan selepas pembersihan secara tradisional.</li> <li>• Bahan kimia akan disapu secara merata pada permukaan objek.</li> <li>• Contoh jenis bahan kimia yang digunakan: AC 322 (Ammonium bicarbonate, Sodium Bicarbonate,</li> </ul>

		Aquamoline dan banyak lagi.) (Septiani Emdrawati, 2020)
--	--	---

Jadual 4.4: Kaedah pembersihan

Sumber: Pengkaji berdasarkan huraian diatas

Tambahan lagi, berdasarkan bukti gambar monumen ini di tiga tapak yang berbeza, melihatkan bahawa monumen ini memang diletakkan pada kawasan yang terbuka. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan agar pihak muzium mempertimbangkan untuk membina sebuah tempat teduhan bagi monumen tersebut. Hal ini adalah perlu bagi mengelakkan monumen ini terus terdedah dengan serangan kerosakan yang disebabkan oleh faktor cuaca. Langkah ini juga disokong melalui penulisan Doehne & Price (2010), yang menjelaskan bahawa tujuan pemasangan tempat teduh adalah untuk mengurangkan jumlah hujan yang sampai ke batu dan setakat ini, langkah ini boleh menstabilkan suhu dan kandungan lembapan batu. Di samping itu, terdapat juga kajian dalam buku ini yang membuktikan bahawa sebuah kanvas yang ringkas digunakan sebagai tempat perlindungan, mampu menghalang pertumbuhan lichen dan tanah liat akibat ribut hujan yang kerap. Tuntasnya, satu tempat teduhan bagi monumen ini harus dibangunkan agar serangan kerosakan yang disebabkan oleh faktor cuaca dapat dielakkan.

Cadangan kedua ialah mengetatkan kawalan akses keluar masuk pengunjung. Hal ini kerana, monumen tersebut merupakan satu monumen yang penting. Tambahan pula, monumen yang diletakkan pada tapak tersebut adalah monumen asli dan satu-



satunya. Oleh sebab itu, pengkaji mencadangkan agar pemantauan menggunakan kamera litar tertutup (CCTV) dapat digunakan. Selain itu, menetapkan kawasan khas di sekitar batu sumpah dengan had akses. Hal ini adalah bagi mencegah sebarang aktiviti yang boleh membahayakan atau merosakkan monumen mahupun persekitarannya Contohnya seperti vandalisme dan kecurian atau isu kehilangan plag seperti sebelumnya. Seterusnya, membina pagar atau tembok di sekitar tapak monumen sedikit lebih tinggi. Perkara ini juga bagi mengelakkan individu yang tidak bertanggungjawab memasuki kawasan tersebut tanpa kebenaran. Lain daripada itu, menyediakan papan keterangan atau tanda arah untuk memandu pengunjung ke lokasi tanpa merosakan kawasan sekitar. Perkara ini juga bagi mengelakkan individu yang tidak bertanggungjawab memasuki kawasan tersebut tanpa kebenaran.

Seterusnya, menjalankan pemantauan berkala. Sekali lagi, pihak muzium pada bahagian konservasi perlu memainkan peranan dalam melakukan pemantauan berkala bagi menganalisis keadaan monumen dari masa ke masa. Hal ini bagi memastikan keadaan batu sumpah sentiasa dalam keadaan yang baik dan jika monumen tersebut mengalami gejala serangan kerosakan, pihak muzium dapat mengambil langkah pencegahan awal sebelum kerosakan menjadi semakin teruk. Penglibatan pakar konservasi amat diperlukan dalam hal ini bagi menilai keadaan dan memberikan cadangan bagi melakukan sebarang kerja pemuliharaan. Dalam hal ini, satu dokumen khas perlu diwujudkan bagi merekodkan apa sahaja kerja konservasi yang telah, sedang dan akan dijalankan pada monumen. Hal ini juga penting dalam menilai jenis atau kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan sama ada berkesan atau tidak. Jika tidak, pihak yang bertanggungjawab dalam melakukan kerja konservasi seterusnya akan lebih kekurangan maklumat mengenai kerja-kerja konservasi yang telah

dilakukan ke atas monumen ini.

Akhir sekali, mewujudkan satu paparan maklumat perihal Batu Sumpah Keningau dari pelbagai aspek secara digital. Sebagai contoh, menyediakan satu laman web atau pautan pada laman web rasmi Muzium Sabah mahupun Muzium Warisan Keningau yang ada sumber-sumber sejarah dan dokumen berkaitan dengan monumen. Perkara ini dilihat adalah perlu bagi mengelakkan kecelaruan data atau apa-apa informasi monumen ini terhadap masyarakat setempat mahupun masyarakat luar. Bukan itu sahaja, langkah ini juga adalah bagi memastikan masyarakat dapat membuat rujukan secara atas talian dari sumber yang boleh dipercayai. Justeru itu, perkongsian maklumat mengenai monumen ini secara atas talian perlu dilakukan.

Bagi pemuliharaan warisan tidak ketara yang merujuk kepada adat tradisi yang diamalkan ke atas monumen ini, pengkaji mencadangkan agar lebih banyak sekolah adat diwujudkan di negeri Sabah, sekurang-kurangnya satu sekolah adat di setiap daerah. Hal ini adalah perlu agar ilmu pengetahuan dan apa sahaja kaedah yang berkaitan mampu dikongsi dan diturunkan kepada generasi muda khususnya. Pengkaji mengambil contoh terhadap satu sekolah iaitu Sekolah Adat Anak Negeri Sabah (SAANS) yang ditubuhkan akibat cetusan idea daripada Persatuan Pengamal Adat Tradisional Sabah (Sunduan Nabalau). Antara objektif penubuhan sekolah ini pemeliharaan budaya dan warisan. SAANS berdedikasi dalam memelihara serta membangunkan budaya dan warisan orang asli di Sabah. Seterusnya, sekolah ini juga mempunyai sukatan kurikulum dan kokurikulum yang berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Akbar Daily Express, 2022).



Gambar 4.19: Perasmian sekolah adat di Batu Punggul, Sapulut Sabah

Sumber: Akhbar Daily Express 2022

#### 4.5 Kesimpulan

Justifikasinya, pengurusan warisan merupakan aspek yang amat penting dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Melalui pengurusan warisan, monumen bersejarah ini mampu dipelihara dengan lebih baik. Apabila keaslian reka bentuk, kandungan sejarah dan nilai budayanya masih terpelihara dengan baik, maka secara tidak langsung identiti masyarakat Sabah juga masih terpelihara. Selain itu, melalui perbincangan dalam objektif ketiga ini juga melihatkan usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan monumen ini mendapat pengiktirafan yang sepatutnya. Bukan itu sahaja, pengkaji juga ada mencadangkan beberapa langkah yang lebih menjurus kepada kerja-kerja konservasi berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas monumen. Langkah-langkah ini mungkin boleh dirujuk pada masa hadapan sekiranya monumen tersebut mengalami serangan kerosakan secara semulajadi mahupun disebabkan oleh manusia.

## BAB V

### PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan secara ringkas mengenai data yang telah diperolehi dan dibincangkan pada bab sebelumnya. Selain itu, pengkaji juga akan membincangkan mengenai implikasi kajian yang dijalankan sama ada kajian ini memberi manfaat kepada satu pihak sahaja atau secara menyeluruh. Beberapa pembaharuan dan cadangan telah dikenalpasti bagi tujuan penambahbaikan serta memungkinkan kajian-kajian seterusnya dijalankan turut diulas dalam bab ini. Akhir sekali, bab ini akan ditutup dengan kesimpulan yang merangkumi rumusan bab lima (5) dan juga rumusan kajian secara keseluruhan.

#### 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan dan menyimpulkan hasil dapatan kajian daripada tajuk kajian yang dijalankan iaitu Kajian Ke Atas Pengurusan Pemuliharaan: Tapak Warisan Batu Sumpah Keningau, Sabah. Perbincangan pada bahagian ini adalah berdasarkan hasil dapatan ketiga-tiga objektif yang telah dianalisis dan diuraikan pada bab keempat.

##### 5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengkaji Sejarah Batu Sumpah

##### Keningau

Hasil daripada analisis kajian bagi objektif pertama, pengkaji mendapati bahawa penulisan sejarah merupakan satu aspek atau topik yang amat berisiko dan mencabar. Hal ini demikian kerana, pengkaji berpendapat bahawa penulisan topik ini

mampu dipesongkan jika penulis tersebut memihak atau obses kepada satu-satu pihak semasa menulis. Sejarah merupakan satu catatan peristiwa yang telah berlaku pada masa lampau dan perkara ini menjadi satu rujukan penting bagi masyarakat di masa hadapan.

Rujukan yang dimaksudkan adalah seperti perjuangan masyarakat kita dalam membebaskan tanah air, asal usul sesebuah bangsa dan banyak lagi. Hal ini adalah perlu bagi mengelakkan generasi di masa hadapan lupa dengan asal usulnya. Oleh itu, jika catatan tersebut telah diubah bagi kepentingan sendiri, maka pincanglah identiti budaya sebuah bangsa. Semasa menyiapkan kajian ini, pengkaji banyak mencari rujukan perihal penubuhan Malaysia dan perjalanan sejarah Batu Sumpah Keningau. Kedua-dua topik ini sangat berkait rapat antara satu sama lain. Namun, satu hal yang disayangkan apabila penulisan sejarah mengenai kedua-dua topik ini tidak begitu tepat. Misalnya seperti tahun sesuatu peristiwa tersebut berlaku. Selain daripada itu, Batu Sumpah Keningau dikatakan pernah diletakkan di Tamu Ground Keningau dimana kenyataan ini adalah salah sama sekali. Rentetan daripada perkara itu, rujukan yang lebih lagi harus dilakukan bagi satu topik. Hal ini adalah bagi memastikan kesahihan bahagian yang bercanggah itu. Maksudnya disini, perkongsian atau penulisan semula mengenai sesuatu peristiwa yang penting haruslah tidak terpengaruh oleh mana-mana aspek.

Bukan itu sahaja dalam penelitian terhadap sejarah batu sumpah, pengkaji mendapati terdapat dua versi data yang berlainan mengenai isu kehilangan plag batu sumpah. Dimana, versi yang pertama menceritakan mengenai bagaimana plag tersebut dijumpa, dikembalikan dan akhirnya disiasat oleh Polis Diraja Malaysia Cawangan

Daerah Keningau. Manakala bagi versi kedua pula, plag tersebut mempunyai sambungan kayu pada bahagian atas dan dihantar ke Singapura bagi menggantikan kepada plag tembaga. Malangnya, pihak syarikat tersebut telah terlepas pandang terhadap sebaris ayat dan menyebabkan ayat tersebut tidak ditulis semula pada plag baharu. Akibat kekurangan dana, pihak yang menghantar plag terpaksa berpuas hati dengan keadaan plag tersebut. Perkara ini berlaku sebelum batu sumpah dipindahkan ke lokasi kedua. Persoalannya, mengapa plag tersebut boleh hilang? Bagaimana isu kehilangan plag batu sumpah wujud dalam dua versi? Adakah isu ini bersangkutan dengan politik? Sayangnya, tidak ada pihak yang benar-benar pasti dan sebilangan mungkin memilih berdiam diri sahaja. Selain itu, pengkaji juga mendapati sebenarnya banyak lagi data yang telah *'off-record'*. Lantaran itu, maklumat-maklumat yang dikongsi tidak teratur dan bercanggah dan paling menyedihkan apabila perkara ini menimbulkan salah faham yang semakin menebal dalam kalangan masyarakat.

### 5.2.2 Mengenalpasti nilai kepentingan budaya yang terkandung pada Batu Sumpah Keningau

Pada objektif kedua pula, pengkaji mendapati bahawa perbincangan secara ilmiah mengenai upacara yang dijalankan tidak kiralah upacara bagi batu sumpah dan upacara lain tidak begitu dijalankan. Hal inilah yang membuatkan sumber data mengenai topik ini tidak begitu banyak. Misalnya seperti upacara *mikorot* dan upacara *momosik*. Kedua-dua upacara ini berkaitan dengan batu sumpah dan seharusnya dibincangkan secara mendalam kerana tujuan serta penggunaan *rinait* adalah berbeza bagi setiap upacara tersebut. Kebudayaan sesebuah bangsa sememangnya mempunyai keunikan yang tersendiri. Perkara ini yang boleh dilihat dalam kalangan masyarakat Sabah dan peranan *bobolian* itu sendiri boleh dijadikan sebagai contoh. Satu hal yang

perlu difahamkan adalah, *bobolian* sememangnya akan berkaitan dengan *rinait* dan juga haiwan korban dalam satu-satu ritual yang dijalankan. Mengapa kita perlu menjadikan peranan *bobolian* itu sebagai satu contoh keunikan budaya masyarakat Sabah? Hal ini kerana, seorang *bobolian* dikatakan sudah semakin berkurang sejak kemasukan penjajah dan penyebaran agama. Selain itu, golongan *bobolian* juga dipandang negatif oleh masyarakat luar tanpa mencuba untuk memahami peranan seorang *bobolian*. Walhal, peranan *bobolian* adalah lebih dari sekadar menjadi pawang tradisional dimana mereka boleh menjadi penasihat ketua suku, pengubatan dan pengusiran roh jahat, menjaga sumber alam, penghafal yang baik, serta banyak lagi. Dikatakan juga seorang *bobolian* senior mampu untuk menghafal lebih kurang 8 hingga 12 ribu (*rinait*) patah perkataan. Jika golongan *bobolian* ini semakin dipinggirkan, maka kita tidak perlukan masa yang banyak lagi untuk menghilangkan kebudayaan tradisional yang sebelumnya menjadi pegangan masyarakat kita khususnya masyarakat Sabah.

Selain itu, peranan pihak masyarakat yang masih belum memeluk mana-mana ajaran agama sebenarnya juga mempunyai peranan yang besar dalam mempertahankan budaya tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana, adat dan budaya merupakan identiti mereka. Boleh dikatakan, cara mereka memandang aspek budaya sebagai satu warisan berbeza sama sekali dengan kita sebagai masyarakat biasa. Jika dilihat daripada praktis kehidupan harian, mereka sahaja yang masih mengamalkan cara hidup secara tradisional dengan mencerminkan sejarah, nilai-nilai dan tradisi leluhur mereka. Bukan itu sahaja, mempertahankan adat budaya memungkinkan pelbagai aspek pengetahuan boleh diwariskan kepada generasi-generasi seterusnya. Hal ini bagi memastikan agar kebijakan setempat dan tradisi tidak

hilang dalam masa yang sama, pengetahuan terus diterapkan pada generasi seterusnya. Oleh itu, golongan mereka mampu menuntut jika perjanjian tersebut dicabuli oleh mana-mana pihak. Hal ini kerana, jika seorang individu yang mempunyai atau menyokong mana-mana parti politik, pastinya individu tersebut dituduh hanya melakukan demi kepentingan diri sendiri. Walaupun begitu, sebagai generasi baharu, kita sebenarnya sentiasa berada di situasi di mana sentiasa membuat keputusan untuk memilih salah satu. Dalam banyaknya benda yang perlu dipertahankan, warisan tidak ketara merupakan salah satu aspek yang paling mencabar untuk dipelihara. Hal ini kerana, manusia akan lebih memilih untuk mengikuti kebiasaan yang sedang dijalani pada masa kini berbanding hanya mendengar daripada generasi sebelumnya secara turun temurun tanpa generasi sebelumnya itu juga mempraktikkan amalan tersebut.

### **5.2.3 Merangka langkah pengurusan pemuliharaan yang digunakan dalam memelihara Batu Sumpah Keningau**

Bagi objektif ketiga pula, terdapat kemungkinan yang menyebabkan monumen tersebut tidak dilaporkan mempunyai sebarang kerosakan sehingga kini. Antaranya ialah berpunca dari upacara yang dijalankan dimana terdapat proses mencalitkan darah pada batu sumpah dan batu rikos mengakibatkan kerja-kerja pembersihan dijalankan bagi menghilangkan bau hanyir darah. Tindakan ini secara tidak langsung memungkinkan adanya kerja konservasi yang dijalankan ke atas monumen ini sehingga menyebabkan serangan kerosakan seperti serangan lumut tidak berlaku ke atas monumen. Namun begitu, tidak dapat dipastikan apakah jenis konservasi dan kaedah yang digunakan serta kekerapan pihak muzium menjalankan kerja-kerja pemuliharaan. Hal ini disebabkan oleh dokumen khas yang masih belum diwujudkan sehingga kini. Satu hal yang menjadi pertanyaan mengapa hal sebegini harus berlaku?



Seharusnya perkara ini menjadi kebimbangan dan keutamaan mereka kerana sebelum ini telah berlaku satu isu iaitu isu kehilangan plag asli Batu Sumpah Keningau. Isu tersebut sepatutnya dijadikan iktibar agar aspek keselamatan monumen terus dipertingkatkan melalui satu dokumen khas yang diwujudkan. Dokumen tersebut adalah penting apalagi monumen tersebut sedang dalam proses untuk diwartakan. Hal ini bermakna, telah ada satu undang-undang khas yang melindungi monumen tersebut dari pelbagai ancaman keselamatan dan sebagainya. Mana-mana individu tidak akan sewenang-nya melakukan tindakan dengan tujuan merosakkan atau mencuri benda yang berkaitan dengan Batu Sumpah Keningau.

Seterusnya, pengkaji juga telah mencadangkan kaedah pengurusan yang boleh diaplikasikan dalam memelihara monumen tersebut. Cadangan pengurusan tersebut merangkumi dua jenis kerja konservasi dan berdasarkan beberapa jenis kerosakan yang biasanya akan menjadi serangan kerosakan kepada monumen batu. Pengkaji juga ada menerangkan punca dan cara yang kebiasaannya digunakan oleh konservator lain dalam memelihara kerosakan tersebut. Cadangan-cadangan ini boleh digunapakai pada masa hadapan sekiranya monumen tersebut telah menunjukkan tanda-tanda mengalami serangan kerosakan.

### **5.3 Rumusan**

Sebagai kesimpulan melalui hasil diskusi, pengkaji mendapati bahawa kaedah kajian yang digunakan semasa menjalankan Kajian Ke Atas Pengurusan Pemuliharaan Tapak Warisan: Batu Sumpah Keningau, Sabah ini adalah tepat dan bersesuaian. Melalui temubual yang dijalankan ke atas lima (5) orang informan sememangnya banyak membantu dalam mendapatkan data. Pengkaji dapat bertanyakan soalan yang lebih

meluas kepada informan. Namun begitu, tidak semua informan dapat mengulas semua topik secara terperinci. Oleh hal yang demikian, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan kajian dokumentasi bagi mencari maklumat lebih lanjut dan pada masa yang sama menambah kefahaman mengenai objektif yang dikaji. Misalnya seperti kaedah pemerhatian, pengkaji dapat melihat secara dekat dan menilai keadaan terkini monumen yang dikaji. Bukan itu sahaja, kajian ini turut dibantu melalui kaedah rakaman suara, pengambilan gambar dan nota yang dicatat semasa melakukan kajian di lapangan.

Begitu juga dengan analisis kajian yang telah dilakukan pada bab 4. Pengkaji mendapati bahawa ketiga-tiga objektif mempunyai kekurangannya yang tersendiri. Tamsilnya, penulisan sejarah monumen, nilai budaya yang semakin pupus dan kaedah pengurusan yang digunakan ke atas monumen tersebut. Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa sumber maklumat yang berkaitan dengan Batu Sumpah Keningau adalah masih di tahap yang sangat rendah setelah pengkaji melakukan penelitian dan pencarian maklumat menggunakan kaedah sekunder iaitu internet, perpustakaan mahupun rujukan jurnal. Situasi ini membuatkan pengkaji meletakkan harapan yang sangat tinggi agar Batu Sumpah Keningau dapat diwartakan dengan kadar yang segera. Hal ini bagi memungkinkan agar segala maklumat yang sahih dapat dikongsi bersama dengan masyarakat selain memastikan nilai budaya mampu dikekalkan dan pengurusan pemuliharaan dapat dilaksanakan.

#### **5.4 Pembaharuan**

Setelah ketiga-tiga objektif kajian ini selesai dianalisis, pengkaji mendapati bahawa terdapat pembaharuan pada kajian ini. Pembaharuan tersebut melihatkan dimana

kajian ini membincangkan Batu Sumpah Keningau dari aspek sejarah, nilai budaya dan kaedah pengurusan pemuliharaan monumen ini sekaligus. Melalui kajian ini pembaca bukan sahaja hanya sekedar tahu akan kewujudan monumen bersejarah ini, namun mereka juga mampu mengetahui bermula dari sejarah mengapa monumen ini boleh diwujudkan, nilai budaya yang menjadi perantaraan kepada termeterainya janji-janji serta bagaimana akhirnya pihak bekepentingan iaitu pihak muzium menjalankan kerja-kerja konservasi bagi memelihara dan memulihara monumen ini dari sebarang jenis serangan kerosakan. Selain itu, kaedah yang digunakan iaitu melalui kaedah temubual yang dijadikan sebagai sumber data primer dan tidak bergantung kepada sumber sekunder semata-mata.

## **5.5. Cadangan**

Kajian penyelidikan terhadap Batu Sumpah Keningau masih jarang dikaji oleh mana-mana pengkaji. Disebabkan oleh perkara itu, pengkaji menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat dan kekurangan sumber rujukan bagi penyelidikan kajian lepas yang berkaitan dengan monumen ini. Justeru itu, pengkaji akan mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil bagi pengkaji akan datang agar menjalankan kajian mengenai monumen ini boleh dari pelbagai aspek.

### **5.5.1 Menjalankan penyelidikan terhadap nilai budaya yang dijalankan pada Batu Sumpah Keningau.**

Pertama, pengkaji mencadangkan agar pada masa akan datang, nilai budaya yang dijalankan ke atas monumen bersejarah ini mampu dijadikan sebagai satu kajian dan perbahasan ilmiah. Nilai budaya yang dimaksudkan ialah jenis-jenis upacara, *rinait* dan jenis korban yang digunakan dalam satu-satu upacara terutamanya upacara

yang berkaitan dengan Batu Sumpah Keningau. Hal ini kerana, golongan *bobolian* juga dikatakan sudah semakin berkurang dan pastinya, keahlian yang dimiliki oleh golongan *bobolian* juga pasti hilang seiring dengan waktu. Oleh itu melalui kajian yang dijalankan, pelbagai kepakaran atau kebijaksanaan golongan *bobolian* dalam mengendalikan satu-satu upacara dapat didokumentasikan dengan baik dan teratur. Sebaiknya, kaedah temubual digunakan dan informan haruslah terdiri daripada golongan pengamal serta penduduk kampung yang masih mengamalkan cara hidup secara tradisional. Hal ini bagi memastikan data yang diperolehi adalah akurat dan boleh dipercayai. Bukan itu sahaja, diharapkan agar kajian yang akan dijalankan mampu menjadi bahan rujukan bagi generasi akan datang perihal keunikan adat budaya masyarakat Sabah. Tuntasnya, kajian terhadap nilai budaya haruslah dijalankan agar nilai budaya yang terkandung pada Batu Sumpah Keningau dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat.

#### **5.5.2 Penyediaan pendokumentasian yang lebih lengkap dan menyeluruh**

Proses pendokumentasian merupakan satu bentuk dokumen maklumat mengenai satu-satu objek warisan apalagi sebuah monumen bersejarah seperti Batu Sumpah Keningau. Proses pendokumentasian yang dilakukan haruslah sistematik dan menyentuh semua aspek objek kajian. Proses perekodan haruslah merangkumi sebelum, semasa dan selepas sebarang jenis aktiviti yang dilakukan berkaitan monumen ini. Sebagai contoh, jika kerja-kerja konservasi dijalankan, lawatan dari pihak berkepentingan dan sebarang kerja penaiktarafan yang dilakukan di tapak monumen tersebut. Hal ini adalah perlu agar menjadi sumber rujukan dan boleh digunakan pada masa hadapan terutamanya dalam menilai hasil dari kerja pemuliharaan yang dijalankan ke atas monumen tersebut. Pendokumentasian ini

termasuklah lukisan asal monumen dan tapak secara manual ataupun perisian komputer (CAD), kepentingan terhadap masyarakat setempat, cadangan kerja-kerja pemuliharaan, penyediaan pelan tindakan dan banyak lagi. Intihnya, penyediaan dokumentasi haruslah dilakukan secara menyeluruh.

### **5.5.3 Mewujudkan pelan pengurusan jangka panjang (perlu dibaiki)**

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan agar satu pelan pengurusan bagi jangka panjang diwujudkan bagi tapak warisan seperti Batu Sumpah Keningau. Hal ini berikutan dengan dokumen khas yang merekodkan segala aktiviti yang dijalankan ke atas monumen masih belum diwujudkan. Dokumen ini adalah penting bagi memastikan kelestarian dan jangka hayat monumen tersebut boleh dilihat oleh generasi akan datang. Maka dari itu, pengurusan risiko haruslah ditekankan bagi menilai dan mengurangkan segala risiko yang mungkin merosakan atau mengancam kelestarian monumen. Selain itu, mampu mengenalpasti apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi memelihara sekiranya monumen mengalami ancaman seperti pencemaran, kecurian atau kerosakan fizikal. Bukan itu sahaja, penglibatan komuniti dalam menjaga monumen ini haruslah dititikberatkan dan dimasukkan ke dalam pelan pengurusan ini. Hal ini bagi memberikan pendidikan kepada masyarakat setempat dan juga pengunjung mengenai kepentingan monumen ini selain terus mempromosikan monumen agar terus dikenali. Tuntasnya, pelan pengurusan jangka panjang haruslah diwujudkan dalam rangka memastikan Batu Sumpah Keningau sentiasa terpelihara.

## **5.6 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, kajian yang dijalankan ini telah menjawab semua persoalan dan objektif kajian. Pengkaji dapat meringkaskan bahawa Batu Sumpah Keningau

sememangnya sarat dengan pelbagai kisah dan nilai yang melambangkan identiti masyarakat Sabah pada suatu ketika dahulu dan juga pada masa sekarang. Batu Sumpah Keningau bukan sekedar satu monumen warisan fizikal tetapi juga merupakan satu bukti nyata yang menandakan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah tempatan pernah berlaku. Kajian ini menegaskan nilai sejarah dan budaya monumen ini sebagai satu aset berharga yang memerlukan perlindungan dan pemuliharaan. Bukan itu sahaja, diketahui bahawa monumen ini mula diusahakan kembali untuk diwartakan selepas dipindahkan ke tapak terkini. Pengurusan pemuliharaan Batu Sumpah Keningau bukanlah satu tugas yang mudah. Rentetan daripada perkara itu, dapat dilihat pihak muzium sedang berusaha keras dalam memastikan segala dokumen mencukupi dan memenuhi kriteria untuk diwartakan.



## RUJUKAN

### 1. Penulisan Ilmiah

- Abdullah, F., Hassan, Z., & Jusoh, A. (2023). Tapak Warisan Negeri Kedah: Penelitian Dari Aspek Arkeopelancongan Dan Pengaruh Persekitaran. *Kedah Heritage Sites: Research from The Archaeotourism Aspect and The Environmental Influence*.
- Abdullah, M. K., & Bernama. (2018). Batu Sumpah Keningau Amat Bermakna Dalam Pembentukan Malaysia. *Malaysia Kini*, 1–5.
- Agapiou, A., Alexakis, D. D., Lysandrou, V., Sarris, A., Cuca, B., Themistocleous, K., & Hadjimitsis, D. G. (2015). *Impact Of Urban Sprawl To Cultural Heritage Monuments: The Case Study Of Paphos Area In Cyprus*. *Journal Of Cultural Heritage*, 16(5), 671–680.
- Agusintadewi, N. K., Prajnawrdhi, T. A., & Satria, M. W. (2019). Karakter Arsitektural Bangunan Kolonial sebagai Warisan Budaya Kota Singaraja. *Jurnal Lingkungan Binaan Indonesia*, 8(1), 16–22.
- Aratin, N. A., & Rahman, N. F. A. (2022). Kajian Sensitiviti Agama: Tinjauan Awal Di Sabah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 1–23
- Arpin, I., Leino, J., Peltonen, L., Outi, R., & Salmi, P. (2022). *Managment Plans As Resources In Conservation Conflicts*.
- Azman, N., Komoo, I., Halim, S., & Amir, R. (2010). Pendidikan Awam Untuk Pemuliharaan Warisan : Kajian Kes Langkawi Geopark. *Akademika*, 80, 85–94.
- Baco, Z. (2018). *Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012)*. 2, 1–22.
- Bozány, & András. (2007). *Heritage Site Area Type Classification For Facility Management Purposes*. *Journal Of Facilities Management*, 5(1), 62–77.
- Cui, T., Kumar, P., & Orr, S. A. (2023). *Connecting Characteristics Of Social Media*

*Activities Of A Heritage Organisation To Audience Engagement. Digital Applications In Archaeology And Cultural Heritage*, 28(March), 1–6.

Daeng jamal, D. H., & Ramli, Z. (2021). Pemuliharaan Beberapa Bangunan Bersejarah Di Kelantan : Tinjauan Ke Atas Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Suai Guna Semula. *Malaysian Journal Of Society And Space*, 2, 461–474.

Daly, P., Ninglekhu, S., Hollenbach, P., McCaughey, J. W., Lallemand, D., & Horton, B. P. (2023). *Rebuilding Historic Urban Neighborhoods After Disasters: Balancing Disaster Risk Reduction And Heritage Conservation After The 2015 Earthquakes In Nepal. International Journal of Disaster Risk Reduction*, 86(February), 1–33.

De Paolis, L. T., Chiarello, S., Gatto, C., Liaci, S., & De Luca, V. (2022). *Virtual Reality For The Enhancement Of Cultural Tangible And Intangible Heritage: The Case Study Of The Castle Of Corsano. Digital Applications in Archaeology and Cultural Heritage*, 27(December), 1–6.

Doehne, E., & Price, C. A. (2010). *Stone Conservation*.

Enh, A. M., & Jamaluddin, S. (2020). Pentadbiran British di Sabah : Kesejahteraan Anak Negeri Melalui Penubuhan Mahkamah Anak Negeri 1884-1965 *British administration in Sabah : Well-being of Anak Negeri through the establishment of The Native Court. Malaysia Journal of Society and Space*, 16(1), 1–15.

Europe, A. C. of. (2018). Adaptive Re-Use Of The Built Heritage: Preserving And Enhancing The Values Of Our Built Heritage For Future Generations. *Leeward Declaration, November*, 1–3.

Farid, M. (2020). Pelestarian Warisan Sejarah Melalui Sinergi Antar-Stakeholder dan Digitalisasi Warisan Sebagai Model Pengembangan Parawisata Banda Naira. *Jurnal Ilmu Sosial Dan Humaniora*, 6.



- Fitri, I., Ahmad, Y., & Ahmad, F. (2015). *Conservation of Tangible Cultural Heritage in Indonesia: A Review Current National Criteria for Assessing Heritage Value. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 184*(August 2014), 72.
- Fund, H. . (2013). *A Guide To Conservation Management Plans. Hlf.*
- Ghazali, M. K. A., Saleh, Y., & Mahat, H. (2021). Pembinaan Kerangka Konstruksi Kelestarian Bandar Warisan Di Malaysia. *Geografia ; Malaysian Journal of Society and Space, 1*(1), 211–226.
- Ginsari, S., & Fernando, J. M. (2015). *Perkembangan Gerakan Anti-Malaysia Oleh Adik-Beradik Ginsanad Di Borneo Utara, 1961-1963. 30*(1), 55–69.
- Gu, J. D., & Katayama, Y. (2023). Bats, Monkeys And Plants In The Time Of Covid-19 Pandemic At Angkor Monuments. *International Biodeterioration And Biodegradation, 182*(August), 1–9.
- Haikal Apanidi, M. D., & Mat Redzuan, I. S. (2022). Penyelenggaraan Model Monumen di Taman Tamadun Islam ( TTI ), Kuala Terengganu. *3*(2), 1–15.
- Hasbollah Hajimin, M. N. H., Marinsah, S. A. M., Mokhtar, S., & Pullong, A. (2022). Migrasi Agamawan dan Impaknya Terhadap Adat dan Budaya Masyarakat Islam di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 7*(47), 350–363.
- Hassan, N. A., Harun, N. Z., & Tambi, N. (2020). Nilai Simbolik Sebagai Penunjuk Kelestarian Modal Sosial Petempatan Tradisional Di Kuala Terengganu, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space, 16*(3).
- Hassane, M., Azar, S., Rychkov, A., & Ali, H. M. (2022). *Conservation Science Restoration And Conservation Of The Stone Tomb Of Princess Elena (1799-1867). International Journal Of Conservation Science, 13*(2), 515–526.
- Innocente, C., Ulrich, L., Moos, S., & Vezzetti, E. (2023). *A Framework Study On*

*The Use Of Immersive XR Technologies In The Cultural Heritage Domain.*  
*Journal Of Cultural Heritage, 62, 1–5.*

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif.  
*Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, 1, 28–29.*

Jeunesse, C., Roux, P. Le, & Boulestin, B. (2016). *Living And Past Megalithisms: Interwoven Approaches.* In *Archaeopress Publishing LTD* (Vol. 1, Issue 1)

Johnny, M., Radzi, M. S. M., & Tarsat, M. (2015). Penentangan Pemimpin Tempatan Terhadap Pelaksanaan Dasar Tanah British North Borneo Chartered Company (BNBCC) Di Borneo Utara : 1881-1941. *Jurnal Kinabalu, 21, 1–18.*

Kopuz, A. D., & Bal, A. (2023). *The Conservation Of Modern Architectural Heritage Buildings In Turkey : Istanbul Hilton And Istanbul Çınar Hotel As A Case Study.* *Ain Shams Engineering Journal, 14.*

Lotfee, N. M. A. (2018). Pengebumian Tradisi Megalitik di Long Pasia, Sabah. *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), 2(1), 1–11.*

Masdey, S. S., & Ramli, Z. (2018). Potensi Pembangunan Pelancongan Berasaskan Warisan Di Bandar Hilir , Melaka : Analisis Swot. *Asian Journal of Environment, History and Heritage, 2(1), 253–265.*

Masnauli.M. (2013). Konservasi Nisan Putro Balee dan Tgk . Awe Geutah Di Kabupaten Pidie , Provinsi Aceh. *Borobudur, 7(1), 66–74.*

Mustafa, S., Marzuki, M., Ramli, R. S., Mapjabil, J., Zainal Abidin, M. K., & Yusoh, M. P. (2015). Pengurusan Bandar Warisan UNESCO Dan Penglibatan Komuniti Tempatan : Kajian Kes Di George Town , Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Society and Space, 11(12), 87–100.*

Paidi, Z., Abdul Ghani, R., Abdul Hamid, A. S., Abdullah, S., & Haji Rofie, M. K.

- (2014). *Kepentingan*. 1–21.
- Pintossi, N., Ikiz Kaya, D., & Pereira Roders, A. (2023). *Cultural Heritage Adaptive Reuse In Salerno: Challenges and solutions*. *City, Culture and Society*, 33(December 2021), 1–13.
- Pugh-Kitingan, J. (2015). *Cultural and Religious Diversity in Sabah and Relationships with Surrounding Areas*. *Cultural and Religious Diversity in Sabah and Relationships with Surrounding Areas*, 269–264
- Quintana, D. C., Díaz-puente, M., & Gallego-moreno, F. (2022). *Land Use Policy Architectural And Cultural Heritage As A Driver Of Social Change In Rural Areas : 10 Years ( 2009 – 2019 ) Of Management And Recovery In Huete , A Town Of Cuenca , Spain*. *Land Use Policy*, 115(August 2021).
- Ramli, N. I. (2022). *Pengurusan Warisan Seni Bina : Tinjauan Di Istana Balai Besar, Alor Setar*. (p. 13).
- Ramli, Z., Mokhtar, M., Razman, M. R., & Zakaria, S. Z. S. (2015). *Pelancongan Berasaskan Warisan Di Malaysia: Potensi Dan Cabaran*. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8 Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekitaran 2015, October 2016*, 19–21.
- Razali, M. F., Abu Hassan, B. R., & Latif, R. A. (2016). *Pemuliharaan Warisan Terpinggir: Menanggapi Peranan Medium Sinema*. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 208–223.
- Rumpa, L. D., Gasong, D., Sampelawang, P., & Kayang, J. T. (2018). *Pelestarian Nilai Warisan Budaya Toraja Berbasis Teknologi Telematika : Digitalisasi Seni Tari , Museum dan Cerita Rakyat Toraja*. *Prosiding Seminar Nasional Kepariwisata Berbasis Riset Dan Teknologi*, 1–9.
- Samsir, S. W., Ahmad, H., Jusoh, H., Choy, E. A., Buang, A., Mahmud, M., Azman, H., Ariffin, S. K., & Makiya, K. R. (2014). *Pengintegrasian Elemen Pendidikan Dalam Pembangunan Produk Rekreasi di Tapak Warisan Dunia Melaka :*

Pendekatan pengusaha pelancongan. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8, 3.

Samsudin, M., & Sulong, M. (2013). Pengaruh Warisan Sejarah dalam Industri Pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 99–109.

Septiani Emdrawati, S. S. (2020). Membedah Metode Konservasi Cagar Budaya. In *Balai Pelestarian Cagar Budaya Provinsi D.I Yogyakarta*.

Shuib, N. H. (2019). Penggunaan Protokol Temu Bual Dalam Menghasilkan Dapatan Kajian Kualitatif Yang Berkualiti : Satu Perkongsian Pengalaman. *Jurnal Refleksi Kepimpinan*.

Sieng, K. T., Eboy, O. V., Pugh-kitingan, J., Bee, B., Bee, B., Hassanal, A., Pengiran, B., & Baco, Z. (2023). *Megalithic Stone Heritage Trail Mapping Using GIS as Tourism Product for Cultural Sustainability in Tambunan*.

Sintan, M. (2012). Mantera Atau Rinait Kadazandusun: Tinjauan Dalam Aspek Pengamal dan Fungsinya Dalam Kehidupan. *Kertas Konferens*.

Sintang, S. (2003). Penganutan Agama Islam Dan Kristian Kalangan Masyarakat Kadazandusun Di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59–80.

Syed Mahmud, S. B. R. (2017). Kajian Terhadap Pengurusan Warisan Yayasan Warisan Johor (YWJ).

Swastikawati, A., Gunawan, A., & Atmaja, Y. (2014). Kajian Konservasi Tinggalan Megalitik di Lore , Sulawesi Tengah. *Jurnal Konservasi Cagar Budaya Borobudur*, 8(1), 17–37.

Ugong, N. A., Bala, B., & Basrah Bee, B. B. (2018). Melestarikan Pengurusan dan Institusi Pemuziuman Borneo : Pengalaman Sarawak. *Jurnal Borneo Akhailogia*

(*Warisan, Arkeologi & Sejarah*), 3(2), 73–103.

Volzone, R., Niglio, O., & Becherini, P. (2022). *Digital Applications in Archaeology and Cultural Heritage Integration of knowledge-based documentation methodologies and digital information for the study of religious complex heritage sites in the south of Portugal*. 24(March), 1–6.

Wibawati, D., & Prabhawati, A. (2021). Upaya Indonesia Dalam Mempromosikan wisata Kuliner Sebagai Warisan Budaya Dunia. *Journal of Tourism and Creativity*, 5(1), 1–10.

Yunus, R. (2013). Transformasi Nilai-nilai Budaya Lokal Sebagai Upaya Pembangunan Karakter Bangsa. *Jurnal Penelitian Pendidikan*, 14(1), 65–77.

Yusoff, M. Y., & Hanafiah, M. G. (2015). Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645):Penilaian Dari Aspek Perundangan Dan Penguatkuasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 202–223.

Yusoff, Y. M., Dollah, H., Kechot, A. S., & Din, M. A. O. (2010). Pembangunan Warisan di Malaysia: Tinjauan Umum Tentang Dasar. *Jurnal Melayu* (5), 5, 277–283.

Zaini, Z. (2006). Sistem Maklumat Geografi Dalam Penentuan Pemeliharaan Kawasan Warisan Kajian Kes : Bandar Taiping, Perak. 16, 1–9.

Zulkiflee, N. H. (2017). Bandar Dan Pekan Perlombongan Bijih Timah Di perak 1874-1940. 1–27.

## 2. Buku

A. Ghafar Ahmad. (2010). *Pemeliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia Pengalaman Dan Cabaran Masa Hadapan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Abdul Aziz Hussin. (2014). *Pemeliharaan dan Pemeliharaan Warisan Di Malaysia*.

Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Fauziah Ibrahim., Khadijah Alavi & Nazirah Hassan. (2021). *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

Jabatan Warisan Negara Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia. (2021). *Garis Panduan Penyediaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan Tapak/Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia.

Lind, Richard. A (2003). *My Sabah: Reminiscences Of A Former State Secretary*. Kota Kinabalu: Natural History Pubns.

Ong Loo Chen. (2021). Semester 3 Pra-U Teks STPM Sejarah (Malaysia & Asia tenggara). Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. Bab 3: Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa.

Rayner F. Udong (2018). *Batu Sumpah Keningau: Lahirnya Sebuah Negara*.

### 3. Akhbar dan Internet

Abdullah, M. I. U. (2018). Batu Sumpah Keningau Lambang Pembentukan Malaysia. *Berita Harian*, 1–5.


Abdullah, M. K., & Bernama. (2018). Batu Sumpah Keningau Amat Bermakna Dalam Pembentukan Malaysia. *Malaysia Kini*, 1–5.

Borneo Today. (2021). Richard Lind, Individu Penting Disebalik Batu Sumpah Keningau Meninggal Dunia. *The Nusantara Daily*.

Mesa, Connie Sylvia. (2022). ‘Bersirat’, Berkaki ayam ke Sabah. Utusan Borneo Online.

Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. (n.d). Penubuhan Malaysia 16 September 196. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/penubuhan-malaysia-16-september->

[19631?p\\_p\\_id=56\\_INSTANCE\\_R9Nv&p\\_p\\_lifecycle=0&p\\_p\\_state=normal&p\\_p\\_mode=view&p\\_p\\_col\\_id=column-inner-3&p\\_p\\_col\\_count=1&page=1](http://19631?p_p_id=56_INSTANCE_R9Nv&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=column-inner-3&p_p_col_count=1&page=1)



UNIVERSITI  
UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4. Akta dan Enakmen**

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

Enakmen Warisan Negeri Sabah Pindaan 2017

International Council on Monuments and Sites (ICOMOS)

#### **5. Kajian Dokumen**

1. Fail surat-surat Batu Sumpah 15 Mei 1981-19 April 1990. Muzium Warisan Keningau.
2. Sejarah Batu Sumpah Dan Hari Malaysia. Muzium Warisan Keningau.
3. Sejarah Batu Sumpah Keningau: Sejarah Awal Keningau (EP4). Perpustakaan Negeri Cawangan Keningau.
4. Kisah Disebalik Batu Sumpah Peringatan Keningau (EP4). Perpustakaan Negeri Cawangan Keningau.
5. Batu Sumpah Bakal Diwarta Tapak Warisan Negara (EP4). Perpustakaan Negeri Cawangan Keningau.

#### **6. Informan Temubual**

1. Encik Maxmillian Takong, 64 tahun. Kurator Kanan Muzium Warisan Keningau, 11 tahun. 04 Ogos 2023.
2. Encik Reuben Raymond. Penolong Kurator. 04 Ogos 2023.
3. Encik Paul. Pegawai Mahkamah Anak Negeri Cawangan Keningau. 24 September 2023.
4. Encik Mantan Bin Bagu, 74 tahun. Ketua Kampung, Kampung Senagang. 28 September 2023.
5. Encik Dius Bin Kubud, 58 tahun. Kurator Kanan Muzium Sabah, 05 Oktober 2023.